





● BIL 306 ● 21 - 27 MAC 2025 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



Pengurusan bazar: Gagal atau sebaliknya?

➤ ➤ 2-3

Bendung masjid jadi medan berpolitik
➤➤ 6

Pulangan Manis Raya dengan Deposit Bertempoh-I MBSB Bank
➤➤ 15

Sasaran juara SUKMA 2026
➤➤ 22

Pembaharuan bazar Ramadan, Aidilfitri kelolaan DBKL

INISIATIF MUDAHKAN PENIAGA

LAPORAN: METRA SYAHRIL MOHAMED, AZLAN ZAMBRY & DIANA AMIR

MESKIPUN berhadapan dengan ribut kencang baru-baru ini dan pelbagai permasalahan yang timbul, Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR) terus kekal menjadi destinasi utama rakyat Malaysia yang mencari kelengkapan Syawal.

Menurut peniaga kuih raya, **Muhammad Arief Darmawan**, 33, dia bersyukur kerana menerima jumlah pelanggan yang luar biasa meskipun baru memasuki minggu kedua puasa.

"Alhamdulillah sambutan yang diterima sangat baik berbanding tahun lepas dan kami terima pengunjung dari Sabah dan Sarawak juga.

"Masih terlalu awal untuk capak tetapi setakat ini boleh dikatakan perniagaan tahun ini balik modal tambahan pula harga sewa tapak di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang murah banyak memudahkan peniaga seperti kami ini," katanya kepada Wilayahku.

Muhammad Arief berkata meskipun mereka mempunyai perniagaan dalam talian namun perniagaannya secara fizikal lebih banyak mendatangkan keuntungan



MUHAMMAD ARIEF



MOHAMED AFENDI



EDY SHUHAIMIE

kerana ramai yang memilih untuk datang terus ke kedai dan beli.

Sementara itu peniaga, **Mohamed Afendi Md Zuki**, 43, berkata antara kelainan pada kali ini adalah Lorong TAR menerima pengunjung seawal minggu pertama puasa.

"Kebiasaannya selepas dua minggu puasa baru kita terima pengunjung yang ramai namun kali ini berbeza.

"Selain itu, susunan bazar pada tahun ini juga bagi saya lebih teratur dan kurang sesak berbanding tahun-tahun sebelum ini. Pelanggan boleh keluar masuk dan membeli dengan senang tanpa perlu bersesak-sesak biarpun ketika waktu puncak.

"Saya rasakan inisiatif dan kemudahan yang ditawarkan oleh pihak DBKL membantu memudahkan kami sebagai para peniaga.

"Dalam pada itu, ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa kerana pelan yang dibuat ini amat bagus untuk mengelakkan kesesakan," katanya.

Katanya keprihatinan Menteri dan Datuk Bandar Kuala Lumpur terhadap para peniaga terserlah lebih-lebih lagi selepas insiden ribut baru-baru ini.

"Semuanya ada hikmah tersendiri lebih-lebih apabila diuji pada bulan

yang mulia ini," katanya yang sudah lebih tujuh tahun berniaga di Lorong TAR.

Afendi berkata dia juga menawarkan harga diskaun kepada pelanggannya.

"Untuk pembelian dua helai ke atas kita akan berikan harga yang terbaik kepada pelanggan kerana kepuasan pelanggan adalah keutamaan kami," katanya.

Bagi peniaga, **Edy Shuhaimie**, 52, harga sewa tapak yang dikenakan pada kali ini lebih berbaloi berbanding sebelum ini.

"Sebelum ini cagaran sahaja RM2,000 tidak termasuk sewa tapak dan lesen.

"Pengurangan sewa ini juga sebenarnya membantu kami sebagai para peniaga dan kami berpeluang untuk mengaut lebih banyak keuntungan dengan jumlah pengunjung yang ramai terutama pada hujung minggu.

"Diharapkan juga jualan dapat ditingkatkan lagi dalam tempoh minggu terakhir Ramadan ini dan kebiasaan pada hujung-hujung nanti kebanyakan peniaga akan menjual dengan harga lelong," katanya.



View 1 more reply

fahmi_samsudin 5d
Jalan terus YB! Tahniah
Reply

aidamaruslann 5d
🔥🔥🔥🔥🔥
Reply

ppsafasa1 5d
dbkl berjaya uruskan bazaar pada tahun ini 🌟
Reply See translation

AB Hassan Azhari
Dr Zaliha Mustafa sebenarnya langkah yg JWP & DBKL buat nie dh betul.. patut lama dh buat.. sbb DBKL punya kekuatan tenaga dan fasiliti yg

Beli-belah dalam keadaan selesa

BERBAKI kira-kira seminggu sebelum menjelangnya lebaran, bazar Aidilfitri di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) terus menjadi tumpuan pengunjung untuk membeli barangan keperluan hari raya.

Susun atur khemah yang lebih tersusun oleh pihak pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berbanding tahun sebelumnya memudahkan laluan orang ramai untuk mendapatkan barangan seperti baju, kuih dan sebagainya.

Malah ketika waktu kemuncak terutama hujung minggu, pergerakan keluar masuk juga lebih terkawal.

Tinjauan Wilayahku baru-baru ini mendapati rata-rata pengunjung berpuas hati membeli-belah dalam keadaan ruang lebih luas malah yang paling utama keselamatan mereka terjamin kerana keadaan tapak tersusun memudahkan mereka 'mencuci mata'.

Menurut salah seorang pengunjung, **Khairy Azlan Rosdy**, 44, sudah menjadi tradisi keluarganya berkunjung ke Lorong TAR untuk mencari persiapan Aidilfitri setiap tahun kerana lokasi

tersebut adalah 'syurga' membeli-belah sejak dahulu lagi.

"Saya memang orang sini jadi setiap tahun akan datang ke Lorong TAR tambahan pula kami sekeluarga gemar mencari keperluan saat-saat akhir untuk mendapatkan *feel* raya itu sendiri.

"Tahun ini saya ada nampak kelainan sedikit dari segi susun atur khemah tapi bagi saya ia lebih bagus kerana ada penambahbaikan di mana pengunjung boleh lihat semua kedai.

"Bagi saya, susun atur tak menjadi masalah kerana pengunjung yang datang ke sini walaupun hanya untuk mencari butang baju Melayu tetapi bila tiba sahaja di Lorong TAR automatik mereka memang akan berjalan dari satu khemah ke khemah biarpun perlu bersesak," katanya yang berasal dari Gombak.

Sementara itu, bagi **Intan Maizura Abd Mudzafar**, 38, pula, biarpun pada masa kini ramai yang lebih memilih untuk membeli-belah secara dalam talian, namun baginya kepuasan lebih terasa jika berkunjung ke kedai fizikal.



"Sibuk macam mana sekalipun, setiap kali menjelang lebaran, saya akan turun ke sini untuk merasai *vibes* tersebut.

"Tak dapat diungkap dengan kata-kata. Selain dapat lihat sendiri material serta tawar-menawar dengan peniaga, harga yang ditawarkan juga masih berpatutan tambahan lagi menjelang raya, banyak kedai yang menawarkan diskaun.

"Bazar Lorong TAR ini menjadi antara lokasi yang wajib pergi setiap tahun kerana di sini mempunyai pelbagai jenis pilihan

dan harga yang bersesuaian dengan bajet saya. Jujurnya bagi saya, lokasi ini akan sentiasa relevan sampai bila-bila. Tahun ini saya lihat meriah, lebih ramai peniaga dan lebih banyak pilihan. Diharapkan tahun-tahun akan datang pihak DBKL akan terus menambah baik lokasi tumpuan ramai ini," jelasnya.

Bagi **Zarina Arbangin**, 46, dia akan meluangkan masa berada di lokasi tersebut bermula dari sebelum waktu berbuka puasa sehinggalah menjelang malam

untuk merasai sendiri kemeriahan bersesak-sesak dengan pengunjung lain.

"Di sini selain datang untuk *shopping*, banyak pilihan menu untuk berbuka, parkir pun dekat dan sebagainya. Jadi, memang setiap tahun bazar Aidilfitri di Lorong TAR adalah lokasi pilihan kami sekeluarga. Sekarang saya lihat lokasi ini lebih meriah berbanding dulu-dulu.

"Kawasan memang selesa biarpun penuh dengan orang tapi kita mudah untuk keluar masuk kedai dan pergi kesemua khemah-khemah bazar Aidilfitri. Saya memang puas hati sebab barang yang dicari dapat dibeli dengan harga jauh lebih murah," katanya yang datang bersama anaknya.



KHAIRY AZLAN



INTAN MAIZURA



ZARINA

Memastikan persekitaran teratur

PENYUSUNAN semula bazar Ramadan tahun ini bukan sekadar perubahan kosmetik tetapi satu langkah strategik untuk memastikan aliran pengunjung yang lancar dan persekitaran perniagaan lebih teratur.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa** menegaskan bahawa perubahan ini adalah sebahagian daripada usaha jangka panjang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Ini katanya bagi meningkatkan pengalaman peniaga dan pelanggan termasuk memberi peluang sama rata kepada pekedai khususnya di Bazar Aidilfitri Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR).

“Langkah ini dilakukan supaya susunan khemah lebih tersusun dan mengelakkan struktur tambahan yang boleh mengganggu peniaga lain.

“Ia juga dapat memberikan peluang kepada peniaga-peniaga yang meniaga di lot-lot kedai di kawasan tersebut untuk meraih pendapatan tambahan ketika bulan Ramadan,” katanya selepas sesi lawatan di Bazar Ramadan Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR).

Lawatan itu turut disertai Menteri Kawanan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Menurut Zaliha, beliau turut menepis dakwaan bahawa pengurusan bazar kali ini lemah berikutan beberapa insiden serta situasi luar jangkaan yang menyumbang keresahan peniaga.



ZALIHA dan Amir Hamzah mengambil maklum aduan peniaga Bazar Ramadan Lorong Tuanku Abdul Rahman.

Katanya, antara langkah lain yang diperkenalkan tahun ini adalah pengurangan bayaran lesen bazar kepada RM500 untuk peniaga makanan dan minuman.

“Jika kita memberi bantuan lesen RM500 dan mengurangkan caj perniagaan yang sebelum ini

terlalu tinggi, adakah itu dianggap gagal?” soalnya.

Beliau turut menjelaskan perbezaan kadar caj antara bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri bagi mengelakkan kekeliruan.

“Bagi bazar Aidilfitri, caj RM2,700 sebenarnya merangkumi wang

cagaran RM2,000 yang akan dikembalikan. Peniaga hanya perlu membayar RM700,” katanya.

Sementara itu, jelas beliau, caj elektrik RM450 yang dikenakan oleh persatuan peniaga bertujuan memastikan bekalan elektrik lebih stabil dan selamat, berbanding

kaedah lama yang menggunakan sumber kedai berhampiran atau generator.

“Kini, peniaga hanya perlu membayar RM15 sehari untuk sistem elektrik yang lebih tersusun,” katanya.

Mengulas mengenai kejadian ribut yang menyebabkan kerosakan khemah, Zaliha menegaskan bahawa pihaknya telah bertindak segera dengan menggantikan khemah baharu untuk memastikan peniaga dapat meneruskan perniagaan tanpa gangguan.

“Kejadian berlaku sebelum Maghrib akibat angin kencang sehingga 70 km/j, namun khemah baharu diedarkan dengan segera bagi memastikan kelangsungan operasi peniaga,” katanya.

Beliau turut mengakui terdapat aduan mengenai kualiti khemah dan memberi jaminan bahawa penambahbaikan akan dilakukan, termasuk menggalakkan penggunaan pemberat khemah serta bekerjasama dengan Jabatan Meteorologi Malaysia bagi mendapatkan ramalan cuaca lebih awal.

Zaliha berharap isu pengurusan bazar tahun ini dapat dinilai secara objektif dan tidak dipengaruhi sentimen semata-mata setelah pelbagai langkah penambahbaikan yang sedang dijalankan.

“Peniaga sendiri lebih memahami realiti di lapangan, jadi kita harus mengelakkan fitnah, terutama dalam bulan Ramadan ini,” katanya.

Pembaharuan bazar Ramadan, Aidilfitri kelolaan DBKL

SUDAH BUAT YANG TERBAIK

“**MENTERI** di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif sudah buat yang terbaik untuk peniaga, mengapa masih setiap hari nak kata mereka gagal?”

Demikian ditegaskan Pengerusi Persatuan Peniaga dan Penjaja Pasar Malam Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR), **Azkhali Suradi** mengenai tohmahan demi tohmahan yang dilontarkan seorang dua dalam sebuah persatuan mengenai pemimpin berkenaan yang membuat pembaharuan terhadap bazar Ramadan kelolaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) termasuk bazar Aidilfitri di Lorong TAR untuk tahun ini.

Malah katanya biarpun ada kelemahan dalam usaha DBKL melaksanakan pembaharuan tersebut, ia bukanlah perkara yang tidak boleh diperbaiki untuk penganjuran bazar pada tahun mendatang.

“Ini tahun pertama DBKL kendalikan sepenuhnya kedua-dua

bazar berkenaan berbanding tahun-tahun sebelum ini oleh persatuan berkenaan. Tapi gabungan persatuan itu tak membantu apa-apa.

“Contohnya ada lot niaga di sebuah tapak di ibu negara, mereka dapat 20 lot dan satu khemah paling murah RM3,000 dan ada yang sehingga RM10,000. Walhal lesen (jika diuruskan) DBKL berapa? Untuk bazaria RM700 sahaja. Deposit RM2,000, kalau peniaga tak buat apa-apa kesalahan, dia boleh dapatkan semula deposit tersebut.

“Jika pada persatuan itu, kalau sudah bayar RM10,000, dia tak bagi semula (deposit), maksudnya dia ambil bersih dan untung 100 peratus di situ. Ini yang saya katakan mereka (persatuan berkenaan) tak membantu apa-apa pun,” katanya kepada Wilayahku.

Pihaknya yang diberi tanggungjawab menguruskan

bekalan elektrik di Bazar Aidilfitri Lorong TAR turut memberikan contoh apabila DBKL menguruskan bazar juadah di Bukit Bintang, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu cuma mengenakan bayaran RM500 berbanding sebelum ini, RM2,000.

Beliau turut menolak dakwaan mengatakan Bazar Aidilfitri Lorong TAR tidak mendapat sambutan.

“Kalau nak buat tinjauan, datang selepas waktu berbuka, memang ramai. Tradisi sejak dulu, lepas solat sunat tarawih, memang kawasan ini sesak dan berlanjutan sehingga awal pagi. Kalau hari siang, siapa nak datang? Panas.

“Tradisi pengunjung di sini memang suka berbelanja pada saat-saat akhir dan memang penuh. Sebenarnya jual beli ini akan meriah seminggu terakhir, memang dari dulu begitu,” katanya.



AZKHALIM

Beliau turut menasihatkan peniaga memanfaatkan media sosial untuk berniaga secara dalam talian.

“Memang ada peniaga yang buka bazar dan di rumah mereka akan buat *live* (promosi dan jualan). Sekarang zaman berubah, bukan macam dahulu dan kita kena ikut peredaran zaman,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau yakin pihak yang setiap hari mengatakan ‘Menteri gagal, Datuk Bandar gagal’ akan menghentikan semua dakwaan berkenaan apabila sudah hampir Aidilfitri nanti.

“Memang mereka mahu mencari kesalahan orang lain, asyik kata itu gagal, ini gagal dan kononnya akan ambil semula (pengurusan) tapak jualan. Dia itu siapa? Mahu melebihi kerajaan seolah-olah hanya dia sahaja yang betul.

“Tetapi yang saya nampak kalau cara agihan lot (jualan) ini adalah yang terbaik daripada pihak DBKL. Jika beri kepada persatuan itu, sebenarnya ada banyak persatuan tapi yang selalu mengata itu ini, hanya satu persatuan itu sahaja,

yang persatuan lain tak *complaint* pun.

“Pihak berkenaan kena terima sudah ada pembaharuan dilakukan oleh pihak DBKL. Konon kata nak panggil SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia), SPRM sudah datang pun tapi bukti (dakwaan salah laku) apa? Tak terbukti pun, dia boleh cakap tapi tak ada bukti,” katanya.

Beliau kemudiannya menegaskan jika sesuatu siasatan hendak dilakukan, lebih baik siasat apa yang telah dilakukan pihak berkenaan 10 tahun sebelum ini.

Sementara itu, Azkhali berkata tindakan pengurusan DBKL memindahkan pasar malam Jalan TAR ke depan disebabkan Lorong TAR digunakan untuk bazar Ramadan dan Aidilfitri turut memberikan rezeki berganda kepada peniaga pasar malam berkenaan.

“Semua peniaga pasar malam tahun ini tersenyum lebar. Ada lebih kurang 380 lot yang berpindah ke depan, majoritinya jual makanan dan tahun ini cukup meriah,” katanya.

Gemilang Syawal

PAKEJ RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI
@ PUTRAJAYA!



**PICC
LEBARAN**
PACKAGE



BERMULA DARI
RM 138.00+
SEORANG

TEMPAHAN MINIMUM UNTUK 200 ORANG

HOTLINE : +603-8887 6000

PG PULSE GRANDE HOTEL
PRECINCT 1, PUTRAJAYA, MALAYSIA

**Private Hari Raya
Open House**
PACKAGE



BERMULA DARI
RM 130.00+
SEORANG

TEMPAHAN MINIMUM UNTUK 50 ORANG

HOTLINE : +6016-588 7855



**Glam
RAYA**
@ MARINA PUTRAJAYA



BERMULA DARI
RM 70.00+
SEORANG

TEMPAHAN MINIMUM UNTUK 300 ORANG

HOTLINE : +603-8888 0317



**Glam Raya
CRUISE**

• BRUNCH • LUNCH • HI-TEA • DINNER



BERMULA DARI
RM 135.00+
SEORANG

TEMPAHAN MINIMUM UNTUK 30 ORANG

HOTLINE : +6016-348 4100

KECOH sehingga ke hari ini berkait isu Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberikan talian hayat bernilai RM1.1 bilion kepada Sapura Energy Bhd (Sapura Energy).

Apa yang tidak sedap didengar apabila terdapat pihak tertentu termasuk seorang bekas Menteri menyifatkan Anwar lebih layak menjadi Perdana Menteri untuk golongan korporat.

Mereka mempersoalkan aspek keutamaan Anwar dalam menguruskan kewangan negara apabila lebih memilih menyelamatkan syarikat korporat dengan perbelanjaan lebih RM1 bilion, tetapi enggan membelanjakan RM800 juta untuk keperluan infrastruktur sektor pertanian.

Dakwa mereka, Anwar tiada masalah untuk menyelamatkan Sapura Energy dengan suntikan RM1.1 bilion, tetapi enggan membelanjakan RM800 juta untuk keperluan infrastruktur sektor pertanian yang akan memberi manfaat kepada 150,000 pesawah, 48,000 pekebun kelapa serta 105,000 petani buah-buahan dan sayur-sayuran.

Ini kerana golongan ini amat memerlukan bantuan segera dan fokus daripada pihak kerajaan.

Susulan itu ada yang mendakwa kononnya Kerajaan MADANI ini berat sebelah dan tidak mencerminkan keprihatinan kerajaan terhadap sektor pertanian yang menjadi tunjang utama kehidupan rakyat luar bandar.

Bukan itu sahaja, terdapat segelintir netizen menuduh kononnya Anwar segera bertindak apabila sesuatu perkara yang melibatkan bisnes yang menguntungkan kaum tertentu. Dakwa mereka, Anwar sanggup khianat Bumiputera dan lebih menjaga kaum berkenaan kerana bimbang hilang sokongan.

Semua tuduhan yang diberikan adalah tidak berasas kerana

TIDAK ABAIKAN BUMIPUTERA



ANWAR membidas pihak yang mengkritik langkah kerajaan memberi suntikan tunai RM1.1 bilion kepada Sapura Energy.

Kerajaan MADANI sememangnya sentiasa mengutamakan masalah rakyat tanpa meminggirkan mana-mana kaum. Ini kerana Anwar merupakan pemimpin yang sangat adil dan lakukan apa sahaja demi kepentingan rakyat.

Baru-baru ini, Perdana Menteri membidas pihak yang mengkritik langkah kerajaan memberikan suntikan tunai RM1.1 bilion kepada Sapura Energy yang dibelenggu hutang.

Sambil menegaskan bahawa pembiayaan itu hanya akan digunakan secara eksklusif untuk membayar balik vendor, beliau

berkata jika tidak berbuat demikian, pihaknya akan tetap dikecam atas alasan yang lain pula.

“Daripada kira-kira 2,000 vendor, 80 peratus daripadanya adalah Bumiputera yang telah menyumbang (kepada Sapura Energy). Bagaimana mereka (vendor) boleh dihukum?”

“Kalau saya tak tolong, (dituduh) Anwar khianat (sebab) dia bukan lagi beri bantuan perjuangan nasib Bumiputera, dia hanya jadi jurucakap DAP.

“Kalau kita buat, dia kata oh ini kita bantu (syarikat terbabit),” jelasnya.

Anwar berkata suntikan dana yang diberi kerajaan melalui syarikat tujuan khas itu bukanlah berbentuk ‘hangus’ sebaliknya perlu dibayar semula oleh Sapura Energy.

Mengakui kerajaan sedar isu yang melanda Sapura Energy, Anwar menambah, langkah mengabaikan syarikat itu sekarang adalah seolah-olah menghukum para vendor terbabit sedangkan mereka tidak melakukan sebarang kesalahan.

Pada masa sama beliau menegaskan, langkah membiarkan Sapura Energy gulung tikar akan membuat negara bergantung kepada syarikat asing. 🇲🇾

Had jawatan PM kerana DAP?

MENJADI bualan ramai kini apabila kerajaan sedia meminda Perlembagaan Persekutuan bagi mengehendkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada 10 tahun.

Maka muncullah suara-suara yang mempertikaikan usaha kerajaan yang dikatakan suara daripada parti DAP.

Berikutan sebelum ini pernah tular isu yang mendakwa jawatan Perdana Menteri boleh disandang oleh mana-mana kaum.

Jadi, terdapat segelintir netizen yang menuduh kononnya dasar mengehendkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada 10 tahun itu sebenarnya memberi laluan kepada kaum lain yang sudah lama mengidamkan jawatan tertinggi dalam negara itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagaimanapun menegaskan proses itu akan dilaksana dengan rapi kerana ia memerlukan konsensus semua parti serta sokongan dua pertiga Ahli Parlimen.



KERUSI pentadbiran di Putrajaya perlu mendapat dukungan semua parti bagi memungkinkan tempoh jawatan Perdana Menteri dihadkan kepada 10 tahun.

“Ada cadangan yang saya setuju seperti mengehendkan tempoh Perdana Menteri kepada 10 tahun, kerana kita tahu, kalau sampai 22 tahun, boleh rosak negara.

“Saya setuju tetapi kita perlu runding dapatkan dukungan

semua parti supaya ada dua pertiga sokongan Ahli Parlimen.

“Jangan bimbang, kalau saya tidak mungkin lepas 10 tahun. Dua tahun pun sudah penat. Saya, PKR dan Pakatan Harapan bersetuju. Biar ada kesediaan, persetujuan dua pertiga,

saya sendiri akan mulakan,” katanya.

Beliau berucap demikian ketika Kongres Kebangsaan DAP ke-18, baru-baru ini.

Walau bagaimanapun Anwar berkata perkara seberat itu hanya akan diusul selepas kerajaan benar-benar bersedia.

“Tapi jangan bawa usul kalau belum cukup dua pertiga sebab pembangkang, apa dia hendak kata pun kita tidak boleh percaya, sebab dia boleh ubah. Fatwanya boleh berubah ikut masa.

“Kalau kuasa mutlak pada saya, esok saya luluskan, tapi bezanya saya bukan diktator,” katanya.

Terdahulu, Setiausaha Agung DAP, Anthony Loke dalam ucapannya berharap kerajaan dapat meminda Perlembagaan Persekutuan bagi mengehendkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada 10 tahun.

Beliau yang juga Menteri Pengangkutan berkata janji itu terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan dalam Pilihan Raya Umum lalu. 🇲🇾

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

17/2 - 16/4/25: Pameran Mengenang Asal Usul: Menyingkap Naratif Budaya @ Jabatan Muzium Malaysia

20/3 - 24/3/25: KL Mega Raya Fest @ KL BASE

27/4/25: OCBC Cycle KL 2025 @ Dataran Merdeka

23/5 - 1/6/25: Pesta Buku Antarabangsa @ PWTC



PUTRAJAYA

28/2 - 30/3/25: Festival Ramadan Putrajaya 2025 @ PPj

11/5/25: Generali Malaysia Run 2025 @ Dataran Wawasan

5/7/25: Ecotrail Putrajaya



LABUAN

22/4 - 27/4/25: Labuan International Sea Challenge

26 - 30/7/25: Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

26-28/9/25: Borneo Art Festival @ Ujana Kewangan

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

Boleh kongsi bagaimana perjalanan politik YB sehingga dilantik sebagai Exco Selangor?

Ia bermula sewaktu menuntut di universiti di England dan menganggotai beberapa majlis pimpinan pelajar dan kami terlibat menyuarakan kezaliman yang berlaku terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sebelum itu dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri. Apabila pulang ke Malaysia pada 2013, saya ditawarkan bekerja sebagai Ketua Staf di Pejabat Penasihat Ekonomi Kerajaan Negeri Selangor yang dipimpin oleh Datuk Seri (Anwar) yang juga Ketua Pemandangan Parlimen Malaysia.

Kemudian saya ditempatkan di pejabat beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Pejabat Penasihat Ekonomi Kerajaan Negeri Selangor dan di situ saya mencorakkan beberapa program pembangunan ekonomi untuk negeri Selangor daripada penambahbaikan pengurusan sampah dan sisa pepejal sehingga program digital iaitu Smart Selangor.

Apabila beliau menjadi Perdana Menteri pada 2022 dan berlaku Pilihan Raya Negeri (PRN), saya ditawarkan untuk bertanding di DUN Seri Setia, iaitu kampung saya sendiri dan memenangi pilihan raya dengan majoriti 11,331 dan kedua tertinggi untuk Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Melayu di bawah tiket PKR di Selangor. Akhirnya dipilih untuk menjadi Exco dengan portfolio EHWAL Agama Islam, Industri Halal, Infrastruktur Digital, Pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Apakah fokus utama pembangunan dan kebajikan rakyat yang YB sedang usahakan untuk penduduk?

Dari segi kebajikan rakyat, kita berusaha sedaya upaya untuk menguar-uarkan program bantuan yang ada oleh Kerajaan Negeri Selangor dan saya dapati masih ramai yang tidak tahu jenis bantuan yang ditawarkan.

Pada tahun lalu, kita berjaya daftarkan lebih 10,000 penerima bantuan yang baru dan ia sebelum ini belum pernah memohon bantuan daripada Pusat Khidmat ADUN Seri Setia.

Ada juga bantuan untuk golongan kelas pertengahan yang mengajukan permintaan untuk memperbaiki infrastruktur seperti laluan pejalan kaki berbumbung, turapan jalan awam yang lebih baik dan penyelenggaraan taman-taman awam untuk lebih mesra pengguna. Untuk golongan T20 dan kebanyakan warga emas yang ada, rata-ratanya ingin menyumbang semula kepada komuniti dan saya sedang terokai beberapa program baharu contohnya mewujudkan koperasi bagi mereka bersama-sama mengumpul dana dan memanfaatkannya untuk pembangunan DUN Seri Setia yang turut memanfaatkan golongan B40.

Modul kerjasama itu sedang dibangunkan dan juga diuji dan sebagai contohnya model koperasi masjid yang paling baik di Malaysia dan saya rasa ia turut akan dikembangkan ke masjid-masjid lain di DUN Seri Setia sekali gus merencanakan lagi pembangunan ekonomi setempat.

BENDUNG MASJID JADI MEDAN BERPOLITIK

PERTAMA kali menyertai pilihan raya dan menang dengan bergaya di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Setia dan terus dilantik sebagai Exco Hal EHWAL Agama Islam, Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor, Yang Berhormat (YB) **DR FAHMI NGAH** bertekad untuk mengimbangi penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam urusan Hal EHWAL Agama Islam di Selangor.

Selain itu, isu yang melingkari portfolionya khusus dalam isu pentauliah pendakwah serta keperluan memelihara kesucian institusi masjid dan surau memerlukan tindakan rapi supaya ia tidak menjadi medan berpolitik untuk pendakwah yang tidak bertanggungjawab.

Beliau berkongsi dengan wartawan Wilayahku, **AZLAN ZAMBRY** mengenai aspirasinya untuk menjadikan Model Masjid Pengurusan di Selangor diselaraskan sekali gus membendung aktiviti menjadikan masjid sebagai medan berpolitik.



FAHMI (tengah) menitikberatkan pendidikan bagi melahirkan generasi berilmu khususnya di DUN Seri Setia.

Apakah langkah-langkah kerajaan negeri dalam memastikan kesejahteraan golongan B40 dan M40, terutama dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat?

Ini yang kita bantu banyak berbanding dengan Kerajaan Persekutuan, kalau kita bantu berikan bantuan kewangan seperti Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) untuk penerima yang layak dan memperoleh RM300 sebulan, bantuan-bantuan musim perayaan yang kerajaan negeri bekalkan baucar-baucar kepada semua perayaan utama seperti Aidilfitri, Deepavali, Tahun Baharu Cina, untuk mereka yang layak.

Kita juga mengadakan Jelajah Ehsan Rahmah yang menawarkan barangan keperluan harian dengan harga yang berpatutan dan telah disubsidikan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan program ini mendapat sambutan khususnya golongan B40 yang mendiami PPR dan flat-flat kos rendah.

Sebagai Exco, apa cabaran terbesar yang YB hadapi dalam mengimbangi antara pembangunan teknologi dan pemeliharaan nilai-nilai Islam di Selangor?

Saya tak rasa ia soal imbang, ia adalah bagaimana kita menggunakan teknologi untuk mengupayakan lagi penerapan nilai-nilai Islam dalam masyarakat. Teknologi ini sebagai satu alat yang kita boleh gunakan, contohnya jika

hendak bertanya mengenai isu-isu fatwa dan jika ia didigitalkan dan dibuat secara kecerdasan buatan (AI), berdasarkan fatwa yang ada, ia dapat memudahkan rakyat dan umat Islam untuk mengetahui sesuatu isu. Contohnya isu nikah kahwin dan permohonannya kini boleh dibuat secara dalam talian, dan ia boleh dipintarkan lagi menggunakan teknologi AI terkini.

Sekarang ini saya rasa patut dibuat profil data-data umat Islam dan bukan Islam di Selangor, bagaimana kita dapat gunakan dan kita kumpul dan analisis menggunakan teknologi data raya untuk kenal pasti profil-profil bantuan dan profil sesetengah demografi supaya dapat difikirkan bentuk-bentuk bantuan yang baru yang lebih sesuai kepada mereka. Contohnya, hari ini anak-anak muda ini, mereka tidak dapat apapun daripada kerajaan negeri dan selagi kita tidak tahu berapa ramai yang ada, tinggal di mana, peratusan kaum dan bangsa serta apa perkara yang menjadi keutamaan mereka dan menerusi data yang kita ada, ia boleh membentuk bantuan baharu khusus untuk golongan ini. Saya rasa mereka mungkin terasa sedikit dipinggirkan berbanding golongan lain.

Terdapat laporan mengenai penceramah tanpa tauliah yang menyampaikan ceramah di masjid dan surau. Bagaimana kerajaan negeri memastikan hanya penceramah bertauliah diberikan ruang untuk menyampaikan ilmu kepada masyarakat?

Tauliah yang diberikan ini ada empat kategori, dan setiap kategori itu hanya untuk pengajaran yang dikhususkan sahaja. Contohnya tauliah D3 hanya dikhususkan untuk mengajar Al-Quran, dan sekiranya ketika sesi mengajar itu melencong ke lain atau perbincangan lain, ia dikira melanggar syarat tauliah, malah ia lebih teruk sekiranya tiada tauliah.

Untuk masa ini, memang kita syaratkan untuk Ahli Jawatankuasa (AJK) masjid mewajibkan semua penceramah yang dijemput itu mempunyai tauliah dan boleh membuat semakan sendiri sama ada penceramah tersebut mempunyai tauliah atau tidak.

Apa yang berlaku sekarang ini, masih lagi ada pemegang-pemegang tauliah yang menjadi ahli atau anggota kepada parti-parti politik tertentu. Ini kita perlukan satu dasar baharu sama ada kita hendak pukul rata atau adil kepada semua pemegang tauliah bahawa mereka tidak boleh menjadi ahli kepada mana-mana parti politik tertentu. Dasar baharu ini juga bermaksud, pemegang tauliah ini tidak boleh ada kaitan langsung sama ada menjadi ahli atau memegang jawatan pun tidak boleh menganggotai apa-apa pertubuhan politik. Dan itu saya rasa salah satu cara untuk kita pastikan pemegang tauliah itu benar-benar mengajar.

Keduanya, kita juga sedang lihat apa yang diajar. Maksudnya, jika pengajar itu mengajar Al-Quran, apakah kaedah pengajaran Al-Quran yang rasmi oleh kerajaan negeri


yang wajib digunakan. Kalau dia mengajar kitab, kitab apa yang kita benarkan. Saya rasa pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sedang melihat ke arah itu untuk dikemaskan lagi kerana ia selama ini dikesampingkan supaya ia boleh dipelihara dengan lebih baik.

Isu politik kepartian dalam masjid dan surau sering menjadi polemik. Apakah tindakan kerajaan negeri dalam memastikan institusi-institusi ini kekal sebagai tempat penyatuan ummah tanpa pengaruh politik kepartian?

Apa yang berlaku sekarang ini, kita amat prihatin dan peka terhadap aduan daripada rakyat. Sekiranya ada aduan melibatkan masjid-masjid tertentu yang menjadi medan politik, maka jemaah boleh membuat aduan terus kepada JAIS. Model yang kita gunakan sekarang ini adalah Model Masjid Pengurusan dan kita boleh ambil masjid itu supaya diletakkan pengurusan yang betul dan tidak membenarkan sebarang aktiviti kepartian berlaku di dalam kawasan masjid.

Melalui kaedah sedia ada, kita telah mengambil alih lebih 60 masjid dan tahun ini ada tambahan 20 masjid. Ini telah menunjukkan satu keadaan yang lebih baik dan apabila JAIS ambil alih, maka sudah tidak berlaku lagi sebarang perkara kepartian di dalam masjid. Ia tidak terhad kepada isu politik, malah turut melibatkan salah guna kuasa dan pecah amanah, maka tindakan mengambil alih masjid perlu dibuat bagi menjaga kesucian institusi berkenaan.

Sejauh mana tahap kepatuhan jawatankuasa masjid dan surau di Selangor dalam memperakui arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh MAIS? Apakah langkah penguatkuasaan yang diambil terhadap pihak yang ingkar?

Kalau kita lihat bilangan masjid di seluruh Selangor ini adalah 440 buah. Kalau isu kepatuhan, saya rasa ada berlaku rungutan di bawah tetapi peratusan masjid-masjid yang berlaku rungutan ini saya rasa berkurangan kerana kita sudah ambil alih menerusi program Masjid Pengurusan. Kita terbuka dan saya tidak rasa masjid yang bermasalah ini merupakan angka yang besar, rata-ratanya pengurusan yang baik dan hanya sekumpulan kecil sahaja yang perlu kita betulkan. Kita ada kaedah-kaedah Masjid Pengurusan yang boleh diambil alih dan itulah antara langkah penguatkuasaan yang telah diambil dan ia akan terus dilaksanakan bagi memastikan masjid di Selangor mempunyai AJK yang mematuhi kesemua arahan dan garis panduan MAIS. 

Kepentingan peranan bandar raya

TANGANI ISU IKLIM

AZLAN ZAMBRY

DATUK Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** menegaskan bahawa kejayaan menangani isu perubahan iklim memerlukan kombinasi tindakan global dan pelaksanaan di peringkat tempatan.

Berucap dalam sesi panel bertajuk 'COP29: Breakthrough to Belem—Accelerating Transformation' sempena Forum Baku Global XII di Azerbaijan, beliau menekankan peranan kritikal bandar dalam agenda iklim dunia.

"Bandar hanya meliputi dua peratus daripada permukaan bumi tetapi menggunakan 70 peratus tenaga dan menghasilkan 70 peratus pelepasan karbon.

"Dengan menjelang tahun 2050, 70 peratus penduduk dunia dijangka tinggal di kawasan bandar. Oleh itu, bandar perlu menjadi sebahagian daripada strategi iklim global," katanya.

Beliau turut menggariskan cabaran yang dihadapi kerajaan tempatan dalam menangani kesan langsung perubahan iklim seperti banjir, kebakaran hutan dan kekurangan air.

"Kerajaan tempatan dan komuniti bandar berada di barisan hadapan dalam menghadapi impak perubahan iklim. Bandar bukan sekadar menghadapi cabaran ini, tetapi juga boleh menjadi pemacu utama dalam mencari penyelesaian lestari jika disepadukan dengan inisiatif iklim global," tambahnya.

Forum Baku Global XII, yang telah melabuhkan tirai itu berlangsung dari 13 hingga 15 Mac 2025, dianjurkan oleh Pusat Antarabangsa Nizami Ganjavi dengan tema



MAIMUNAH ketika sesi panel bertajuk 'COP29: Breakthrough to Belem—Accelerating Transformation' sempena Forum Baku Global XII di Azerbaijan.


'Memikirkan Semula Tata Dunia: Mengubah Cabaran Menjadi Peluang.'

Forum ini menghimpunkan lebih 300 pemimpin dunia dari lebih 60 negara, termasuk bekas presiden, bekas perdana menteri, pemimpin PBB dan tokoh antarabangsa dalam sektor kerajaan serta perniagaan.

Maimunah turut menzahirkan penghargaan kepada kerajaan Azerbaijan atas jemputan menyertai forum berprestij

ini dan menekankan kepentingan platform tersebut dalam membincangkan isu-isu global.

"Saya berterima kasih kepada kerajaan Azerbaijan kerana menjemput saya untuk kali kedua ke Forum Global Baku.

"Forum ini merupakan platform yang sangat baik untuk bertukar idea, meneroka perspektif baharu, serta menggerakkan inisiatif global dalam menangani perubahan iklim dan cabaran dunia," katanya. 

Selenggara 21 hentian bas

KERJA-KERJA menaik taraf dan mencantikkan hentian bas serta kios di ibu kota adalah sebahagian daripada program penyelenggaraan bandar menjelang Mesyuarat Kepengerusian ASEAN 2025.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memaklumkan bahawa sebanyak 21 hentian bas dan kios terlibat dalam projek ini, dengan 18 daripadanya telah diselenggara setakat ini.

"Proses penyelenggaraan merangkumi kerja mengecat, membaik pulih struktur, serta menukar bumbung bagi memastikan hentian lebih selesa untuk kegunaan awam.

"Semua hentian bas dan kios diseragamkan dengan warna rasmi DBKL, iaitu kelabu gelap," jelasnya.

Mengenai pamadaman lukisan mural di beberapa hentian bas dan kios, DBKL menjelaskan bahawa tindakan tersebut diambil kerana tiada permohonan rasmi diterima daripada pelukis atau pihak berkaitan sebelum mural itu dibuat dan tindakan pamadaman dilakukan selaras dengan prosedur penyelenggaraan sedia ada.

"Hentian bas dan kios yang terlibat dengan lukisan mural ini terletak di Jalan Raja Chulan (dua unit) dan Jalan Sultan Azlan Shah (satu unit).

"Selain itu, kios di Jalan Raja Azlan Shah yang dalam keadaan uzur dan tidak lagi ekonomik untuk dibaik pulih telah




DBKL perakui peranan komuniti khususnya dalam lukisan mural.

diputuskan untuk dirobohkan," katanya.

DBKL turut mengakui peranan komuniti seni dalam memperindah bandar raya, namun menekankan bahawa sebarang lukisan mural di tempat awam perlu mendapatkan kelulusan pihak berkuasa

tempatan terlebih dahulu.

"DBKL mengalu-alukan perbincangan serta cadangan daripada mana-mana pihak yang ingin menyumbang kepada keindahan Kuala Lumpur secara sah dan terancang," katanya. 

Kempen Sifar Sisa kurangkan pembaziran

DENGAN jumlah sisa pepejal yang meningkat setiap kali Ramadan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan Kempen Sifar Sisa @ Bazar Ramadan bagi mengurangkan pembaziran makanan dan penggunaan plastik sekali guna.

Kempen anjuran Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) DBKL itu bertujuan memastikan bazar Ramadan di ibu kota lebih mesra alam dengan menggalakkan penggunaan produk biodegradasi dan bekas makanan guna semula dalam kalangan peniaga serta pengunjung.

Menurut DBKL, salah satu inisiatif utama kempen ini ialah Program MySaveFood, yang dilaksanakan dengan kerjasama Perbadanan Sisa Pepejal (SWCorp) dan Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia.

Menerusi program ini, lebih makanan yang masih selamat dimakan dikumpulkan dan diagihkan kepada golongan memerlukan, sekaligus mengurangkan jumlah sisa makanan yang berakhir di tapak pelupusan.

"Dilaksanakan dari 5 hingga 16 Mac 2025 di 12 lokasi bazar Ramadan terpilih sekitar Kuala Lumpur, program ini menyasarkan penyelamatan sekurang-kurangnya 10,000 kilogram (kg) lebih makanan.

"Antara lokasi yang terlibat termasuk Bazar Jalan Wangsa Delima, Wangsa Maju; Bazar Sri Rampai;


Bazar Kampung Baru (Jalan Raja Alang dan Jalan Raja Uda); Bazar Danau Kota; Bazar Desa Pandan dan banyak lagi," katanya.

Menurut DBKL setakat 12 Mac, sebanyak 4,869.22kg lebih makanan bernilai RM107,190 berjaya dikumpulkan dan disalurkan kepada penerima yang memerlukan.

DBKL berkata kempen ini turut mendapat sokongan daripada sukarelawan institut pengajian tinggi (IPT) di bawah GEMA, yang bukan sahaja membantu dalam pengagihan makanan tetapi juga berperanan menyebarkan kesedaran mengenai kepentingan mengurangkan pembaziran makanan.

Jelas DBKL inisiatif ini bukan sahaja dapat membantu mereka yang kurang berkemampuan, tetapi juga mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal yang semakin meningkat saban tahun.

"Kita mahu membentuk budaya masyarakat yang lebih bertanggungjawab dalam pengurusan makanan. Jika setiap individu memainkan peranan, kita dapat mengurangkan sisa makanan dan menjaga alam sekitar dengan lebih baik," kata jurucakap DBKL.

Dengan inisiatif seperti ini, Kuala Lumpur semakin hampir ke arah menjadi bandar sifar sisa, selaras dengan matlamat kelestarian global. Jadi, kepada warga kota, sudah tiba masanya kita mengubah tabiat dan menyokong kempen ini untuk masa depan yang lebih hijau. 

1,500 asnaf disantuni dalam Program Nur Ramadan

HARGAI PEMBAYAR ZAKAT

AZLAN ZAMBRY

SERAMAI 1,500 asnaf di Wilayah Persekutuan Labuan menerima sumbangan zakat dalam Program Nur Ramadan anjuran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan memastikan kebajikan rakyat terus terbela sepanjang bulan mulia ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa** berkata sumbangan itu diagihkan secara berperingkat, dengan 300 penerima menerima bantuan secara langsung pada majlis yang diadakan di Surau Annur Rahim, Kampung Sungai Buton.

Beliau turut menyentuh tentang keberkatan bersedekah sebagaimana yang dinyatakan dalam surah al-Baqarah, ayat 261, bahawa sesiapa yang bersedekah di jalan Allah akan menerima

ganjaran berlipat ganda, dari 10 hingga 700 kali ganda.

"Semoga amalan bersedekah ini terus subur dalam jiwa kita, bukan hanya sepanjang Ramadan, tetapi juga dalam kehidupan seharian.

"Kerajaan MADANI komited memastikan kebajikan rakyat terus terbela, terutama dalam bulan penuh keberkatan ini," katanya.

Zaliha turut merakamkan penghargaan kepada MAIWP serta hampir dua juta pembayar zakat di Wilayah Persekutuan yang menjadi tonggak kepada sistem zakat negara.


Sementara itu, dalam Program Singgah Sahur di Masjid Sirajul Islam, Kampung Tanjung Aru, Zaliha menyantuni 41 anak tahfiz dari Madrasah al-Ansar Labuan dan ahli kariah setempat.

Dalam program itu, kerajaan melalui Jabatan

Wilayah Persekutuan (JWP) menyampaikan sumbangan khas RM5,000 kepada madrasah berkenaan, selain peruntukan RM5,000 kepada masjid bagi manfaat jemaah.

"Semangat kebersamaan yang dizahirkan dalam program ini memperkukuh ukhuwah dan kepedulian dalam masyarakat, selari dengan nilai Ramadan yang menggalakkan kita untuk berbakti serta membantu mereka yang memerlukan," katanya.

Beliau berkata, JWP melalui inisiatif Ihsan@PUJI akan terus komited menyantuni rakyat dan memastikan kebajikan golongan memerlukan sentiasa diberi keutamaan.

Program itu adalah sebahagian daripada agenda Kerajaan MADANI dalam memastikan kesejahteraan rakyat terus dipelihara, terutama dalam bulan penuh keberkatan ini. 



ZALIHA menyampaikan sumbangan kepada asnaf dalam Program Nur Ramadan anjuran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di Labuan.

24 pelajar terima Bantuan Awal IPT

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) terus komited dalam membantu pelajar yang kurang berkemampuan menerusi Skim Bantuan Awal IPT bagi meringankan beban mereka sebelum melangkah ke Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif YWP, **Dr Abdul Basir V Kunhimohamed**, seramai 24 pelajar dalam lingkungan 19 hingga 23 tahun telah dipilih di bawah skim tersebut.

"Setiap pelajar menerima sumbangan sebanyak RM700 secara *one-off*, yang diharapkan dapat digunakan untuk menampung perbelanjaan awal seperti pembelian buku, pendaftaran dan keperluan lain sebelum memulakan sesi pengajian," katanya.

Mengulas tentang usaha yang dijalankan, Abdul Basir berkata bidang pendidikan dan sosial merupakan fokus utama YWP kerana ia mampu membawa seseorang itu keluar daripada kepompong kemiskinan.

"Pendidikan merupakan perkara penting yang perlu dimulai sedari awal lagi sejak zaman kanak-kanak kerana melaluinya seseorang pelajar itu mampu mengubah hidup serta tidak mewarisi kemiskinan keluarga pada masa hadapan.

"Jadi, kami di YWP sentiasa membantu golongan pelajar dengan menyediakan pelbagai bantuan serta program agar mereka tidak tercicir sekali gus mampu berjaya sama seperti pelajar-pelajar daripada kalangan keluarga yang berada



ABDUL BASIR (tujuh dari kiri) bersama penerima Skim Bantuan Awal IPT.

di atas paras garis kemiskinan," katanya.


Dalam pada itu, Abdul Basir berkata pihak YWP sentiasa komited untuk menyokong pelbagai inisiatif pembangunan sosial, pendidikan dan kebajikan yang memberi impak positif kepada masyarakat.

"Oleh itu, usaha seperti ini perlu diteruskan dan diperluaskan lagi pada masa hadapan agar lebih ramai golongan muda yang berbakat dapat merealisasikan potensi mereka.

"Gunakanlah bantuan ini sebaik-baiknya untuk melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran masa

hadapan," katanya.

Terdahulu seramai 24 pelajar telah dipilih sebagai penerima manfaat ini dalam Majlis Penyerahan Skim Bantuan Awal IPT, Bantuan Khas, Skim Prihatin dan Bantuan badan bukan kerajaan (NGO) yang diadakan di Wisma YWP baru-baru ini.

Skim Bantuan Awal IPTA & IPTS ini merupakan salah satu inisiatif YWP dengan sokongan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan melanjutkan pengajian tanpa dibebani masalah kewangan. 

Keindahan Istana Maghribi di Suria KLCC

ORANG ramai berpeluang mengalami keajaiban Maghribi sempena Aidilfitri di destinasi beli-belah ikonik, Suria KLCC bermula 7 Mac sehingga 13 April ini.

Ruang Centre Court, Suria KLCC dihiasi dengan gabungan warna biru diraja dan emas berkilauan, menampilkan kubah tertutup dihiasi dengan unjuran interaktif yang menakjubkan manakala lengkungan tradisional yang megah menghidupkan suasana halaman istana yang indah.

Di Esplanade KLCC pula, lengkungan Moorish yang besar berdiri megah dengan pencahayaan interaktif, menawarkan latar belakang menarik untuk merakam detik indah hari raya.

Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC Sdn Bhd, **Francis Tan** berkata bagi menghidupkan suasana perayaan, alunan muzik Maghribi dan Melayu bakal menggamit pengunjung menerusi persembahan 'Tradisional Raya Tunes' pada 30 Mac dan 1 April.


"Sempena Aidilfitri ini, kami berbesar hati untuk mempersembahkan satu sambutan yang bukan sahaja memukau dengan keindahannya tetapi menggalakkan

perpaduan, kemurahan hati dan kegembiraan. Kami mengalu-alukan semua untuk bersama-sama meraikan musim penuh makna ini," katanya.

Francis berkata Suria KLCC turut menawarkan ganjaran eksklusif kepada pembeli termasuk e-Baucar bernilai RM100 hingga RM300 bagi mereka yang berbelanja antara RM2,500 hingga RM10,000 dan pembelian e-Baucar bernilai RM1,000 turut menerima tambahan RM100.

"Sebagai sebahagian daripada komitmen jangka panjang terhadap kesedaran kesihatan mental, Suria KLCC menawarkan Bengkel Pembuatan Coaster Hari Raya khas kepada pembeli yang membeli 'Suria Ribbon Pin' dengan harga RM10. Hasil jualan akan disalurkan kepada badan bukan kerajaan (NGO) yang menyokong kesihatan mental.

"Pelbagai bengkel kreatif juga disediakan antaranya 'Raya Coaster Workshop' dan 'Raya Floral Workshop' di mana pengunjung boleh mencipta hiasan bertemakan Aidilfitri," katanya.

Tambahnya 'A Raya Dance Spectacle' yang menampilkan tarian Maghribi turut diadakan pada 23 dan 29 Mac serta 31 Mac ini. 



Bil 306 . 21-27 MAC 2025

*Patuhi
sensitiviti
dalam berkarya* ▶▶10-11

DRAMA, FILEM TIDAK PERLU UNSUR LUCAH

DIANA AMIR & SABRINA SABRE

FILEM atau drama yang baik merupakan naskah yang mampu menarik perhatian ramai untuk menonton dan seterusnya menghayati jalan cerita atau mesej daripada karya tersebut.

Ada ketika, karya filem dan drama yang ringkas selain 'sejuk

mata memandang' sudah cukup menangkap dan berbekas di hati penonton.

Namun, entah mengapa, ada sahaja pengkarya seolah-olah mencuba menarik lapangan tular (viral) apabila menyelitkan unsur-unsur lucah (*soft porn*) dalam karya mereka dengan adegan-adegan 'dewasa'.

Ia sudah tentu tidak bersesuaian dengan khalayak di negara ini jika hendak dibandingkan dengan Hollywood atau negara luar yang lain, terutama jika bertentangan dengan sensitiviti atau garis panduan diterapkan agama dalam seni berkarya.

Mengambil contoh isu yang hangat diperkatakan di media sosial ketika ini mengenai adegan sebuah drama memaparkan pelakon wanita mengusap janggut seorang pelakon lelaki menggunakan kaki, rata-rata netizen mendakwa babak tersebut seakan-akan menyelitkan elemen lucah yang dibimbangi dapat memberi persepsi buruk terhadap agama Islam.

Selain itu, sebuah lagi drama yang mengisahkan 'haruan makan anak' didakwa menyelitkan beberapa sentimen agama juga mendapat pelbagai reaksi daripada masyarakat sehingga ditegur agamawan.

Secara asasnya, sebarang bentuk hiburan dan lakonan adalah diharuskan selagi tidak menyalahi atau bertentangan dengan hukum syarak. Justeru dalam hal ini apa-apa bentuk lakonan yang mengandungi unsur lucah dan erotik jelas merupakan suatu perkara yang bertentangan dengan syarak.

Menurut Pensyarah Kanan, Sekolah Pembangunan Sumber Manusia & Psikologi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Dr Mohd Nasir Masroom**, drama yang membawa mesej ajaran Islam tidak memerlukan unsur lucah kerana ia jelas bercanggah dengan prinsip agama.

Secara umumnya, Mohd Nasir berkata penggiat seni, pengarah dan pelakon mempunyai peluang untuk menyampaikan mesej dakwah serta kebaikan melalui karya seni mereka dan menghasilkan sebuah drama atau filem yang memberi gambaran



MOHD NASIR

mengenai keindahan Islam adalah satu usaha yang terpuji dan sangat dihargai.

"Namun begitu, tidak sepatutnya sebuah drama atau filem menayangkan adegan lucah dengan apa alasan sekalipun. Hal demikian kerana, perkara tersebut merupakan perbuatan

yang mencemarkan maruah diri pelakon itu sendiri, apatah lagi ia menjadi tontonan umum.

"Ajaran Islam tegas memerintahkan umat Islam untuk menutup aurat sebagai cara untuk melindungi diri daripada sebarang perbuatan yang boleh mencemarkan maruah. Selain itu, menjaga hubungan dan percampuran (ikhtilat) antara pelakon lelaki dan wanita turut menjadi keutamaan dalam sebuah drama dan filem Islamik.

"Begitu juga perbuatan persenda agama hendaklah dilarang. Jika perbuatan tersebut tidak dicegah, maka agama akan menjadi satu subjek yang boleh diremehkan dan tidak dihormati. Kesannya, penonton akan melihat agama sebagai sesuatu yang boleh dijadikan bahan ketawa dan ejekan," katanya kepada Wilayahku.

Walau bagaimanapun, Mohd Nasir berkata tidak dinafikan bahawa terdapat watak sebenar dalam dunia realiti yang menjadikan agama sebagai tanggangan untuk mencapai matlamat peribadi mereka.

"Sekiranya watak ini ingin ditampilkan dalam drama atau filem, penerbit dan pengarah perlu melakukannya dengan berhati-hati agar tidak memberi mesej yang salah terhadap agama Islam itu sendiri," jelasnya.

Mengulas lanjut, Mohd Nasir berkata salah satu sebab larangan memasukkan adegan lucah adalah untuk mengelakkan pengaruh negatif kepada masyarakat terutamanya kanak-kanak dan remaja.

"Golongan ini mudah terpengaruh dengan apa yang mereka lihat dan tonton di media massa. Niat untuk memberi pengajaran umum mungkin boleh menjadi terkhalif kepada mengajar melakukan sesuatu yang tidak berakhlak kepada para penonton.

"Selain tegahan adegan lucah, sebuah drama dan filem Islamik perlulah memberi keutamaan kepada pengajaran dan mesej yang menzahirkan keindahan Islam, berbanding mesej yang memburukkan Islam.

"Adegan dan watak yang mencemarkan Islam, jika ada sekalipun dalam drama dan filem,

hendaklah diperbetulkan semula oleh adegan, watak dan mesej yang baik mengenai Islam," katanya.

Mohd Nasir berkata tidak dinafikan kini, memasukkan adegan dan watak yang kontroversi selalu digunakan sebagai salah satu taktik dalam pemasaran sesebuah drama dan filem.

"Pada asasnya, Islam adalah sebuah agama yang mementingkan akidah, ibadah dan akhlak mulia. Menggunakan taktik pemasaran sebegini adalah bercanggah dengan prinsip akhlak mulia dan adab sopan yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia.

"Dalam Islam, jual beli atau pemasaran dibenarkan selagi ia mengikut kehendak syarak seperti tidak melakukan perkara yang haram, tidak menimbulkan fitnah kepada Islam, tidak menyebabkan pergaduhan, tidak menghina orang lain dan tidak menjatuhkan imej Muslim," katanya.

MENCEMARKAN BULAN MULIA

DRAMA-DRAMA kontroversi yang ditayangkan di bulan Ramadan ini membuatkan masyarakat menganggap ia sebagai sesuatu yang keterlaluan sekali gus telah mencemarkan bulan yang mulia ini kerana hakikatnya untuk menyampaikan mesej ajaran Islam adalah tidak perlu untuk memasukkan elemen lucah.

Mohd Nasir berkata sewaktu berpuasa, kita bukan sahaja meninggalkan makan dan minum sahaja, tetapi turut ditegah daripada mengeluarkan kata-kata yang buruk seperti memaki hamun, mengadu domba, menyebarkan fitnah, bercakap lucah dan mengumpat.

"Selain itu, kita turut dilarang daripada melakukan dan melihat perbuatan yang boleh mengurangkan pahala puasa. Jika perbuatan dan perkataan lucah antara suami dan isteri dalam bulan Ramadan pun dilarang, apatah lagi jika dilakukan oleh bukan mahram dan dipertonton pula kepada khalayak umum," katanya.

Tambahnya sebuah drama dan filem yang baik pastinya mendatangkan banyak manfaat kepada masyarakat, namun terselitnya adegan lucah telah menyebabkan keuntungan yang diterima dalam keadaan bercampur antara haram dan halal.

"Islam memberi panduan yang jelas dalam hal ini," tegas beliau.


Beliau kemudiannya memetik sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud; "*Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas. Di antara keduanya terdapat perkara-perkara yang syubhat (samar-samar) yang tidak diketahui oleh ramai orang. Maka siapa yang takut terhadap syubhat bererti dia telah menyelamatkan agamanya dan kehormatannya. Dan siapa yang*

terjerumus dalam perkara syubhat, maka akan terjerumus dalam perkara yang diharamkan." (Hadis riwayat Tirmizi, No.1205)

"Jika kita tidak ingin terlibat dengan perkara syubhat, maka tinggalkan perkara tersebut. Buanglah adegan lucah yang boleh menjejaskan keberkatan pendapatan yang kita peroleh," pesannya.

Dalam pada itu, Mohd Nasir berkata beliau percaya penggiat seni lebih faham dan tahu bagaimana untuk menyelitkan mesej keindahan dan kebaikan Islam dalam drama dan filem masing-masing.

"Islam memberi peluang yang luas kepada penggiat seni untuk berkreativiti dalam menghasilkan karya seni mereka. Perkara yang paling utama perlu diingat ialah patuhilah kehendak syarak.

"Berbincanglah dengan agamawan dan para pendakwah agar drama dan filem yang dihasilkan dapat membawa mesej dan imej keindahan Islam yang menjadi ruang dakwah kepada para penggiat seni," katanya. 



Lihat dari sudut positif, ambil pengajaran

BABAK panas dalam beberapa drama tempatan antara lain membuatkan penonton berasa kurang senang terutama adegan ahli agama yang sekali gus memberi gambaran buruk terhadap Islam.

Tambah menjengkelkan, waktu siaran kedua-duanya adalah ketika Ramadan di mana ia seharusnya diserikan dengan program-program ibadah bagi mengimarahkan bulan penuh keberkatan ini.

Pelbagai reaksi diterima ekoran daripada drama tersebut yang pastinya setiap individu mempunyai tanggapan yang berbeza sama ada dari segi positif mahupun negatif.

Memberi pandangan terhadap perkara itu, Pengarah dan Penerbit, **Shuhaimi Lua** berpendapat, sesebuah karya yang dihasilkan oleh pengarah bukan hanya sekadar bercerita, tetapi sudah pasti ingin membuka mata dan menyentak jiwa mereka yang menonton.

Beliau berharap cerita tersebut dijadikan sebagai satu pengajaran kerana yakin situasi seperti itu banyak terjadi di dunia sebenar.

“Perkara ini memang berlaku dalam kalangan masyarakat kita dan perlu dikupas supaya menjadi pengajaran untuk generasi akan datang. Justeru semua pihak seharusnya menilai drama-drama tersebut dari sudut positif dan menjadikan apa yang berlaku itu sebagai pengajaran.”

“Kalau kita nak sorok susahlah sebab sebenarnya medium hiburan itu juga boleh jadi platform untuk berdakwah.

“Jadi jika kita melihat kepada kebaikan akan menjadi baik, begitu juga sebaliknya. Semuanya terpulung kepada penonton, siapa yang nak tengok, lihat dari sudut positif, jika sebaliknya, boleh tutup TV,” katanya.

Sementara itu, penerbit drama Bidaah, **Erma Fatima** pula berkata

kisah yang dipaparkan dalam drama arahan Pali Yahya itu adalah bersandarkan kisah benar yang pernah dialaminya sendiri.

“Bidaah adalah kisah benar. Saya pernah berada di dalam kumpulan jemaah seperti itu beberapa tahun lalu. Apabila saya duduk dalam kumpulan itu, ilmu agamanya betul.



SHUHAIMI


“Tiba-tiba satu hari saya dapat panggilan daripada seorang gadis daripada kumpulan itu memberitahu saya dia ditiduri tok gurunya. Bukan hanya dia, tetapi beberapa gadis lain. Ini bukan kisah bohong. Inilah bidaah. Akhirnya saya bawa keluar gadis-gadis itu dari tempat tersebut.

“Sebab itulah saya buat drama Bidaah, bukan untuk jatuhkan Islam. Tetapi saya mahu ibu bapa di luar sana kaji terlebih dahulu tentang siapa guru yang akan mengajar anak-anak mereka,” dedahnya dalam sebuah video yang dimuat naik dalam aplikasi media sosial TikTok.

Dalam pada itu, beliau menegaskan bahawa drama Bidaah tidak berkait dengan agamawan mahupun mana-mana kumpulan ajaran sesat.

“Drama tersebut dihasilkan semata-mata untuk memberi pengajaran terhadap penonton tentang segelintir individu yang didakwa menggunakan agama demi kepentingan diri,” katanya.

Di samping itu, penerbit berusia 57 tahun itu menekankan bahawa pakaian seseorang tidak melambangkan keperibadian mereka. Justeru Erma mengetengahkan watak-watak yang berselindung di sebalik imej Islamik.

Mengakui kesilapannya berikutan terdapat adegan yang melampau, beliau bagaimanapun berharap semua pihak dapat menonton drama tersebut sepenuhnya sebelum membuat tanggapan negatif. 

KOMEN NETIZEN

@Flarex

Tak kisah korang cakap apa tapi bagi aku macam mempersenda *image* pakaian serban & jubah.

@aliffshanusi

Erm...bagi aku cerita macam ni salah. Sebab *portray* benda salah dan tiada kaitan dengan Islam dan Melayu, apa cetek minda pengarah?

@wanna_88

Dah la sekarang dengan isu perkauman. Lagi ditambah dengan cerita bodoh begini. Tak sempat habis cerita Keluarga Itu haruan makan anak. Tambah lagi cerita Bidaah. Makin dipandang serong agama kita oleh kaum lain. Makin toksik dah cerita sekarang.

@zyraroxx

Kita pulak yang dapat *secondhand embarrassment* tengok orang tua-tua berlakon macam ni, awak semua pelakon hebat kenapa lah boleh ambik *job* macam pelakon baru nak naik ni.

@QueenAdnilsa

Bidaah, Langit Ketujuh, Keluarga Itu..ini antara drama Melayu semasa yang mengangkat tema ajaran sesat atau manipulasi seks oleh figura yang dihormati seperti guru/ bapa kandung.

@LysaHani

Memang la ada dekat *real life* kita sekarang benda ni. Tapi kalau dijadikan cerita macam tak perlu kot *scene* ini. *Scary* do kalau budak tengok.

@AisyahAzzahra

Hahaha sebab tu kata yang pandai agama belum tentu faham agama.

@Hanyauntukmelati

Saya tak bagi anak-anak saya sekolah rendah tengok cerita ini macam tak sesuai lagi.

@permatahati

Cerita macam ini elok sebagai pengajaran tapi kalau budak-budak tengok mengundang bahaya hurm.

@anina_faris

Rupanya masih ramai yang rasa lakonan penuh maksiat tu tak apa asalkan untuk beri pengajaran dan pameran realiti kehidupan. Halal haram tolak tepi, yang penting ada pengajaran. Moga Allah selamatkan diri dan keluarga kita daripada terjebak dengan cara fikir yang rosak ini.

@apek_marul

Padahal boleh je jadikan cerita tu tanpa adegan-adegan yang macam tu. Aku terus tak tengok. Geli.

@scososco

Kenapa bila bulan Ramadan ada drama bersiri berkonsep pelik-pelik. Aku bagi contoh Khunsa, Keluarga itu & Bidaah? Kot ye pun nak buat jalan cerita pengajaran atau pengakhiran yang baik sekalipun, aku still rasakan tak sesuai tayang bulan Ramadan.

@IniAlalalannn

Jijik tau. Faham ada jadi in *real life* tapi dalam drama tv ni tak payah la tayang segala *scene explicit* tu. Cuba tengok drama NUR dulu, tema dia berat, libatkan pasal pelacur bagai. Dia punya kritikan *sharp* tapi *storytelling* dia elok je, tak la sampai kita rasa tak selesa tengok.

Kuih Bahulu

Penuh Nostalgia

SHUAIB AYOB

KEENAKAN aroma bahulu yang harum dan membangkitkan selera ternyata menggamit nostalgia yang sukar dilupakan. Tibanya hari raya, pasti

kuih tradisional ini antara pilihan yang terlintas di fikiran untuk hidangan Aidilfitri.


Salah satu lokasi yang cukup terkenal bila terkenang bahulu, pastinya Wisma Masri di Sekinchan. Rahsia ramuan pembuatannya menghasilkan bahulu berkualiti dan istimewa. Dari adunan hingga ia siap diproses, setiap langkah memainkan peranan penting dalam menghasilkan bahulu yang gebu, lembut di dalam, rangup di luar.

Bukan hanya disukai orang Melayu, malah bangsa lain turut menikmati kuih tradisi turun-temurun ini.

Setiap perniagaan pasti ada cabaran tersendiri. Kekal berdiri teguh sejak 1990-an sebagai pusat pengeluaran dan pemasaran makanan tradisional, khususnya bahulu, kerepek dan kuih-muih, perniagaan ini terus berkembang menjadi sebuah jenama kukuh

dalam industri makanan ringan berasaskan pertanian.

Pelbagai rintangan sebagai usahawan Melayu diatasi dengan kegigihan dan semangat ingin membangunkan bangsa melalui perniagaan sejak bergelar peniaga tani. Kini, Wisma Masri mampu berbangga dengan pelbagai pencapaian sehingga boleh membantu ekonomi setempat khususnya anak muda yang diberi peluang pekerjaan tanpa perlu berhijrah ke bandar mencari rezeki. Ini membuktikan tiada yang mustahil, kerana di mana ada kemahuan di situ pasti ada jalan.

Aidilfitri bakal menjelang tiba, kuih tradisi sebagai pelengkap juadah adalah warisan budaya dan janganlah dilupakan, marilah menyambutnya dengan penuh kemeriahan, keikhlasan dan keharmonian. 

HAJI Punari @ Zainuddin Haji Salleh bersama isteri, Hajah Mastura Senon adalah pengasas Wisma Masri.



DIANA AMIR
FOTO: SYUQQREE DAIN
VIDEO: HASIF HALIMI

BERBUKA GAYA KLASIK

BUFET Ramadan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) kini kembali sekali lagi menyajikan masakan Melayu dan rasa klasik Malaysia yang membangkitkan nostalgia.

Menawarkan sehingga 120 jenis menu, Sous-chef Bufet Ramadan PICC, **Cef Abdul Talib Taha** berkata pelbagai jenis pilihan ditawarkan yang menepati cita rasa masakan klasik tradisi.

“Antara menu masakan yang menjadi keunikan berbuka puasa di sini adalah Ayam Masak Lemak Kuning Daun Selasih, Ikan Keli Masak Cekur, Gulai Peria bersama Udang, Ayam Goreng Serai, Gulai Tulang Ikan Masin dan Terung Bulat. Kesemua ini adalah masakan kampung yang menjadi tumpuan pengunjung.

“Selain itu, terdapat 13 stesen gerai juadah menu berbuka dan enam stesen merupakan ‘live cooking’ antaranya adalah Roti John, Goreng-Goreng bersama Rangka Ayam, Kambing Golek, Churrus, Kuih Gorengan Melayu (Pisang, Keladi dan Keledek) dan juga Puri yang menjadi salah satu juadah pilihan pelanggan.

“Istimewa pada hujung minggu kita sediakan ‘nasi beriani tanam’ yang menjadi salah satu juadah berbuka puasa yang dinantikan pengunjung,” katanya yang sudah lebih 11 tahun berkhidmat di PICC.

Berkongsi pembaharuan yang ditawarkan pada kali ini, Abdul Talib berkata terdapat beberapa gerai baharu disediakan.

“Antara yang baharu adalah kita tawarkan gerai rangka ayam. Ini semua di atas permintaan ramai pelanggan kita pada tahun lalu yang mahukan suasana dan makanan seperti di bazar Ramadan jadi kita adakan gerai rangka ayam pada kali ini.

“Bagi penggemar juadah pencuci mulut pula, tahun ini PICC menyajikan menu baru seperti pelbagai jenis pilihan serawa (durian, labu dan tapai ubi), Bubur Cha-Cha dan Kacang Hijau serta



PURI antara hidangan tradisi dari India yang dihidangkan di PICC.

Puding Roti bersama Sos Kastard yang menjadi menu wajib pencuci mulut yang sering digemari oleh orang ramai.

“Seperti kebiasaan, gerai kambing bakar pastinya menjadi tumpuan ramai dan kerana itu kita kekalkan pada saban tahun,” katanya.

Abdul Talib berkata antara lain keistimewaan yang ditawarkan adalah kesemua sajian yang dihidangkan dimasak oleh barisan cef berpengalaman.

“Dengan berbekalkan pengalaman memasak di hotel terkemuka dan di PICC selama lebih 16 tahun, Cef Eksekutif PICC, Cef Tarmizi Abd Manaz bersama sembilan cef lain yang berpengalaman lebih 10 tahun dalam bidang masakan terus berusaha mengekalkan keaslian dan resipi klasik sebagai identiti kepada juadah berbuka puasa di PICC.

“Oleh yang demikian, faktor ini dijadikan sebagai daya tarikan untuk orang ramai mencuba dan menjadikan PICC sebagai destinasi pilihan untuk berbuka puasa

bersama keluarga dan rakan,” katanya.

PUTRAJAYA RAMADAN ASEAN FOOD FESTIVAL

BERKONGSI lanjut Abdul Talib berkata bersempena dengan Kependenguan ASEAN di Malaysia, PICC tidak melepaskan peluang untuk turut terlibat sama dengan penganjuran Putrajaya Ramadan ASEAN Food Festival dengan kerjasama Putrajaya Holdings dan Perbadanan Putrajaya (PPj).

“Festival ini berlangsung serentak di tiga lokasi lain yang turut serta iaitu Hotel Pulse Grande, Double-Tree by Hilton Putrajaya Lakeside dan Hotel The Everly Putrajaya. Setiap tempat menawarkan makanan tradisi dari negara yang berbeza.

“Penganjuran festival ini adalah sebagai inisiatif menyatukan pelbagai juadah tradisional dan kontemporeri dari negara-negara ASEAN dalam hidangan bufet Ramadan di lokasi-lokasi berkenaan. Kerjasama ini adalah asas dalam mempromosikan

perpaduan dan pemahaman di kalangan penduduk yang pelbagai dan merasai sendiri pengalaman gastronomi ini serta merasai semangat Ramadan melalui makanan, budaya dan komuniti.

“Di PICC kita mempromosikan makanan dari negara-negara seperti India, Laos, Thailand dan Vietnam. Kita angkat makanan *signature* di negara-negara tersebut dan sajikan kepada pengunjung di sini. Lagipun di sini kita menerima pengunjung bukan sahaja dari dalam malah ada juga dari luar jadi ia sedikit sebanyak membantu mempromosi Kependenguan ASEAN itu.

“Justeru orang ramai dijemput hadir dan jangan lepaskan peluang berbuka dengan pelbagai

hidangan klasik yang pastinya meninggalkan kenangan manis,” katanya.

Diadakan bertempat di Foyer Aras Concourse, PICC mensasarkan tempahan 15,000 orang pelanggan secara keseluruhan di bulan Ramadan iaitu peningkatan sebanyak 12% berbanding tahun lepas dari sektor korporat, orang awam dan juga kerajaan. Kapasiti penuh ruang berbuka puasa boleh menampung sehingga 800 orang dan boleh juga membuka kawasan dewan bagi tempahan berskala besar penambahannya sehingga 500 orang.

Harga adalah sebanyak RM109 bagi dewasa dan RM55 untuk kanak-kanak dan warga emas.

Untuk maklumat lanjut atau membuat tempahan bagi berbuka puasa Cita Rasa Klasik di PICC boleh menghubungi talian **03-8887 6000** atau WhatsApp talian *hotline* kami iaitu **013- 529 9496**.



Putrajaya International Convention Centre,
Presint 5, 62000 Putrajaya



3 hingga 28 Mac 2025



IMBAS
KOD QR
UNTUK
MENONTON
VIDEO





Kempen Deposit Bertempoh-i



Ahli kumpulan MBSB Group

NIKMATI PULANGAN MANIS RAYA

Raih pulangan Deposit Bertempoh-i

4.0% setahun dengan mudah!

(Tempoh 12 bulan)

3.80% setahun
untuk tempoh 6 bulan

3.65% setahun
untuk tempoh 3 bulan

Tempoh Kempen: 23 Disember 2024 – 31 Mac 2025




Ahli PIDM. Deposit Bertempoh-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Tertakluk Terma dan Syarat Kempen

Be Bold. Bank Smart.

MBSB Bank Berhad | No. Pendaftaran: 200501033981 (716122-P)



PUNCA MUDAH JADI MANGSA

KU SEMAN KU HUSSAIN

PERASAN cantik dan kemaruk cepat kaya antara punca yang boleh membawa seseorang terperangkap dengan penipuan dalam talian yang berleluasa ketika ini. Misalnya apabila ada kenalan di media sosial memuji tentang kecantikan, banyaklah yang cair dan mulai perasan mempunyai suatu kelebihan.



PENULIS BEBAS

Begitu juga apabila ada pihak yang memperkenalkan pelaburan yang boleh membuatkan kita menjadi cepat kaya, golongan yang gila duit mudah terpengaruh. Duit selalu membuatkan manusia gelap mata dan terhenti otaknya untuk berfikir dengan

lebih waras.

Dulu, pada dekad 1980-an sebelum menjengah era digital, bukan sedikit juga yang terlopong dengan skim cepat kaya. Impian menjadi kaya dengan jalan yang mudah berubah menjadi kayap yang menyeksakan. Semuanya kerana sifat tamak dan mahu cepat kaya tanpa memikirkan muslihatnya.

Memang benar, terutamanya golongan yang kurang berkemampuan sentiasa memerlukan duit. Walau bagaimanapun hal itu bukanlah alasan untuk membuka diri kepada perangkap sindiket penipuan yang sekarang mengubah pendekatan menggunakan media sosial.

Penipu yang kreatif mengubah taktik dengan pantas. Namun golongan yang disasar sebagai mangsa terus tidak berubah. Malah banyak yang terperangkap dalam dunia yang tertutup. Mereka hanya hidup dalam dunia media sosial dan jarang menjengah dunia yang sebenar – banyak penipu berkeliaran mencari mangsa.

Kalau ada telefon pintar, gunakanlah untuk membaca portal berita kerana di situ kita tahu peratus keuntungan yang munasabah dalam semua pelaburan. Janganlah setakat membaca media sosial sahaja kerana cara begitu tidak membawa kita keluar melihat dunia sebenar. Orang melabur kita pun hendak melabur.



Apabila tidak ada pengetahuan, duit yang dilabur menjadi lebur.

Tajuk-tajuk berita di media seperti ini sebenarnya bukan suatu yang menggembirakan. Misalnya 'Tukang kayu rugi lebih RM400,000 terpedaya sindiket love scam', 'Penghantar surat rugi RM63,000 akibat love scam', 'Pesara bank wanita kerugian RM1.9 juta angkara love scam', 'Bekas jururawat hilang RM1.9 juta diperdaya skim pelaburan palsu' dan banyak lagi.

Sekalipun begitu kejadian yang sama terus berlaku seolah-olah semua berita tentang penipuan itu langsung tidak menjentik kesedaran dan berusaha untuk mengelak daripada terjerat. Selepas terkena mereka pula yang menjadi tajuk berita.

Statistik Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) mencatatkan sebanyak 1,230 kes *love scam* dilaporkan sepanjang 2022 yang melibatkan kerugian RM50 juta. Kalau

dibahagikan dengan 12, kita dapati secara purata 100 kes sebulan. Modus operandi atau taktik menipu sama sahaja – berpura-pura jatuh cinta.

Sasaran *love scam* adalah golongan wanita atau lelaki yang perasan. Mereka perasan cantik apabila ada memuji dengan ayat-ayat yang penuh cinta. Hakikat sebenarnya mereka amat naif kerana terluca cinta sebenar tidak semudah dan semurah itu. Disebabkan naif, pemikiran pun tidak kritikal dan menyoal itu dan ini.

Sementara yang kemaruk cepat kaya pula sambar sahaja 'peluang' yang lalu di depan mata. Sebenarnya tidak semuanya peluang tetapi perangkap dengan umpan cerita-cerita manis tentang pelaburan.

Sudah tidak peduli lagi pelaburan itu bertentangan dengan agama atau moral, asalkan memberi kekayaan semua dirembatnya. Malah tidak mengkaji di manakah duit kita itu dilaburkan. Maka merekalah sasaran sindiket penipu dalam talian yang menjaja kaedah cepat kaya.

Sikap yang disebutkan di atas banyak menyumbang kepada 5,422 kes pelaburan palsu sepanjang 2022 dengan kerugian berjumlah RM425 juta. Sindiket pelaburan tidak wujud itu menjanjikan pulangan tidak masuk akal. Hal itu tentu sahaja ditolak oleh mereka yang ada pengetahuan kerana ternyata tidak masuk akal.

Pelaburan palsu dan *love scam* dalam talian boleh dihindari dengan sikap tidak bersangka baik terhadap semua orang dan keadaan. Hal itu kerana jenayah penipuan tidak sama dengan orang menggodam akaun bank kita kemudian mengeluarkan duit tanpa pengetahuan.

Jenayah penipuan dalam talian terutama menerusi media sosial dilakukan dengan pengetahuan kita, melalui pujuk rayu dan kata-kata manis yang membuatkan akal waras terhenti seketika. Sekiranya tidak didekati sejak awal lagi, kita mempunyai peluang untuk menyelamatkan diri daripada menjadi mangsa.

Lihat sahaja sindiket *love scam* dan pelaburan palsu, penipu hanya menggunakan kuasa pujuk rayu. Mereka merayu memberikan kata laluan dan nombor akaun. Atau meminta kita sendiri yang memasukkan duit ke akaun tertentu. Hal itu amat pelik, tetapi banyak yang sanggup melakukannya.

Sekiranya mempunyai kesedaran, sedikit sebanyak kejadian yang buruk boleh dielakkan. Salah satu caranya dengan mengambil iktibar daripada sekian banyak berita yang dipaparkan di media. Tambahan pula taktiknya sama sahaja antara satu dengan kes yang lain.

Sindiket mengulang skrip yang sama, peliknya masih ada yang terkena. Tentunya disebabkan tidak cakna dengan segala kejadian yang berlaku di sekitar kehidupan dan tidak belajar mengenainya. Berita di media sudah banyak mendedahkan taktik sindiket dan itulah juga yang diulang. Tetapi terus ada yang menjadi mangsa.

Misalnya dalam kes *love scam*, sasaran adalah kepada lelaki dan wanita, terutama pesara yang baru mengeluarkan wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Ahli sindiket, sama ada lelaki atau wanita kononnya dari luar negara dikenali di media sosial.

Yang lakinya kacau dan wanitanya cantik berpura-pura jatuh cinta sampai tahap gila dengan mangsa yang jauh lebih tua. Disebabkan terlalu gembira, mangsa selalunya hilang kesempatan berfikir panjang, terluca menyoal diri adakah munasabah lelaki atau wanita seacak atau secantik itu boleh terpicat dengannya.

Menyoal diri sendiri menandakan kita tidak perasan melulu serta membawa kepada pertimbangan yang waras. Tidak terlalu teruja dengan pujian, apa lagi oleh individu yang hanya dikenali di media sosial. Sedar diri adalah penting supaya tidak terus perasan menjadi wanita atau lelaki bertuah.


Keadaan itu memberikan sedikit ruang untuk mewartakan fikiran seterusnya menimbulkan keraguan. Itulah yang menjadi benteng daripada masuk ke dalam perangkap. Sekalipun begitu, disebabkan cepat perasan dan teruja dengan pujian, ada yang hilang upaya berfikir dengan waras.

Boleh jadi yang dikatakan sebagai mat salih dari luar negara itu sebenarnya berada tidak jauh dengan kita. Malah mat salih yang diperagakan itu entah siapa-siapa yang berselindung di sebalik akaun palsu media sosial. Maka tolonglah jangan cepat perasan dan kemaruk hendak kaya.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera:
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
 Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



TINJAUAN BELANJAWAN DBKL 2026

13 FEBRUARI - 12 APRIL 2025

PERUMAHAN

KEHIJAUAN

MOBILITI

INFRA
STRUKTUR

KESIHATAN
&
PEMBERSIHAN

PENGURUSAN
TRAFIK

PENJAJA
&
PENIAGA
KECIL



[HTTPS://WWW.DBKL.GOV.MY/BELANJAWAN](https://www.dbkl.gov.my/belanjawan)
KONGSI CADANGAN DAN IDEA ANDA

REALISASI KEPENTINGAN MEDIA

ZULKIFLI SULONG

KIRA-KIRA tujuh tahun lalu, Menteri Wilayah Persekutuan ketika itu, Khalid Abdul Samad telah membuat keputusan untuk menubuhkan sebuah organisasi iaitu syarikat media untuk kerajaan.



PENULIS BEBAS

Langkah ini dibuat kerana organisasi media yang ada, bagi beliau, tidak berjaya membawa naratif yang hendak dibawa oleh Kerajaan Pakatan Harapan ketika itu. Jika ia hendak dilakukan menerusi media yang telah ada, kos yang diperlukan juga tinggi iaitu membuat

media buy dengan agensi media yang ada termasuk agensi media milik kerajaan sendiri.

Saya selaku Setiausaha Akhbar beliau ketika itu membantu sepenuhnya bagi merealisasikan cita-cita tersebut.

Selepas membuat kajian, beliau memutuskan untuk menubuhkan syarikat media sendiri yang dikuasai oleh kerajaan sepenuhnya. Namun, beliau diberitahu oleh pegawai kerajaan, kerajaan tidak boleh menubuhkan syarikat di bawahnya. Jika hendak, ia perlukan kelulusan Kementerian Kewangan dan seterusnya Kabinet. Prosesnya akan menjadi panjang dan sukar.

Lalu setelah berbincang dengan pelbagai pihak, beliau memutuskan untuk menubuhkan sebuah syarikat media di bawah Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) di mana beliau selaku Menteri Wilayah Persekutuan adalah pengerusinya.

Cita-cita beliau adalah untuk melahirkan sebuah syarikat media yang bagus dan boleh memberikan khidmat menyampaikan naratif kerajaan dengan baik. Selepas lima tahun, syarikat ini disasarkan untuk berdiri sendiri dengan menjana pendapatan sendiri.

Lalu berbangkitlah isunya, dari manakah dana untuk menubuhkan syarikat media ini? Selepas perbincangan demi perbincangan, diputuskan agar konsep *media buy* digunakan. *Media buy* adalah kita membeli ruang di media untuk menyiarkan bahan yang kita hendak sampaikan.

Kalau selama ini kementerian dan badan-badan di bawah kementerian membuat *media buy*, kenapa tidak sebahagian dana itu digunakan untuk menubuhkan syarikat media ini? Lagipun, tujuan *media buy* adalah untuk



membuat promosi terhadap segala aktiviti kerajaan dan badan-badan di bawahnya. Kalau promosi boleh dibuat melalui media sendiri, apa salahnya.

Lalu, semua badan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan ketika itu disarankan membuat *media buy* melalui media yang dikawal sepenuhnya oleh kementerian sendiri.

Sebagai badan terbesar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu menjadi penyumbang utama kerana DBKL yang paling memerlukan media untuk menghubungkannya dengan warga Kuala Lumpur.

Untuk melaksanakan perkara ini, Khalid mendapat kerjasama penuh daripada Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan ketika itu, Datuk Seri Adnan Md Ikhsan dan Bahagian Komunikasi Korporat kementerian. Lalu lahirlah syarikat Wilayah Media Sdn Bhd yang terletak di bawah YWP. Sebagai sebuah badan yang didaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), YWP berhak menubuhkan anak syarikat.

Di bawahnya ada akhbar mingguan Wilayahku, laman web, pasukan video dan sebagainya.

Setelah hampir tujuh tahun berlalu, pelbagai perubahan berlaku kepada syarikat ini termasuk namanya sudah menjadi YWP Media Sdn Bhd. Namun peranannya tetap sama, menjadi ejen atau media penghubung antara kerajaan dengan orang ramai.

Baru-baru ini YWP Media telah diserang

dengan pelbagai fitnah. Sasaran utamanya adalah Pengerusinya, Datuk Afdlin Shauki.

Bagi saya yang melihat perkembangan syarikat ini sejak dahulu hingga kini dari dekat, ia bertujuan untuk menyudahkan perjalanan syarikat media ini oleh musuh-musuhnya termasuk musuh peribadi Afdlin sendiri. Terbukti selepas siasatan dibuat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah memutuskan tiada sebarang salah laku dibuat. Yang silap hanya sedikit tatakelolanya sahaja yang perlu diperkemas.

Bagi saya, apa yang dilakukan oleh Afdlin adalah dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai pengerusi syarikat iaitu mendapatkan dana dan memastikan urusan syarikat ini berjalan dengan baik. Mungkin ada kelemahan di sana sini tetapi prinsip asasnya tidak salah dan boleh diperbetulkan.

Sebagai artis juga sebenarnya Afdlin telah menjalankan tugas dengan baik bagi memastikan golongan artis yang lain tidak digunakan secara semberono oleh musuh-musuh politik untuk menyerang kerajaan yang didukung oleh beliau.

Jadi sebagai pengerusi syarikat media dan artis pula, Afdlin telah menjalankan tugasnya dengan baik untuk kepentingan Kerajaan MADANI, kementerian dan juga badan-badan di bawah kementerian.

Beliau telah menggunakan kedudukan dan hubungan beliau untuk menjaga kepentingan kesemua pemegang taruh yang ada kaitan

dengan syarikat media ini.

MENUJU KE DEPAN

KINI semua pihak yang terlibat perlu memandangkan ke depan dalam melaksanakan tugas masing-masing demi kepentingan negara dan rakyat khususnya warga Wilayah Persekutuan.

Kita kena bersetuju bahawa media memainkan peranan yang penting. Kita kena juga bersetuju bahawa media kini juga melalui perubahan yang besar.

Media cetak bukan lagi menjadi faktor utama tetapi tetap diperlukan. Keutamaan kini adalah media sosial yang sudah menjadi arus perdana. Peranan Afdlin sebagai pelakon, pengarah dan penerbit filem sangat besar terutama ketika media seperti TikTok menjadi media utama.

Afdlin perlu dibantu dan jika silap perlu diperbetulkan bukan ditekan dengan perkara-perkara yang tidak perlu.

YWP Media perlu diberikan sokongan penuh bukannya tekanan. Media perlukan dana kerana keuntungan utama media bukan kembalinya wang yang dibelanjakan dalam bentuk wang tetapi pengaruh yang diperoleh daripada perbelanjaan itu.

Ayuh kita terus memainkan peranan kita.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

Sokong bazar Aidilfitri



Caj kesesakan di KL

SIMPATI sungguh kawan-kawan Kedai Kopi kepada peniaga bazar Aidilfitri di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR), Kuala Lumpur, yang mengeluh perniagaan tahun ini begitu perlahan dibandingkan tahun lalu.

Ada peniaga mendakwa setelah berniaga beberapa hari mereka masih belum mencapai kadar jualan yang memuaskan. Ini merisaukan memandangkan Aidilfitri bakal disambut tidak lama lagi.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, ramai juga berkunjung ke bazar Aidilfitri tersebut namun mereka bukan untuk membeli, tetapi lebih kepada 'cuci mata'.

Orang ramai dikatakan lebih berminat

membeli kelengkapan Aidilfitri secara dalam talian. Ini kerana harganya lebih murah. Tetapi kelebihan, di bazar, boleh melihat sendiri jualan di hadapan mata untuk dipilih.

Di samping itu, ramai malas bersesak-sesak datang ke bazar untuk membeli. Oleh itu cara mudah pesan dan bayar sahaja dalam talian, tunggu barang sampai.

Pembelian dalam talian kini jadi budaya rakyat negara ini kerana mudah, menjimatkan masa dan tenaga. Kawan-kawan Kedai Kopi harap jualan di bazar Aidilfitri akan bertukar rancak. Peniaga berniaga untuk mencari rezeki. Mereka juga mahu meraikan Aidilfitri seperti kita semua.

JIKA caj kesesakan dilaksanakan di Kuala Lumpur, kesesakan lalu lintas, terutama di kawasan pusat perniagaan, mampu dikurangkan sehingga 20 peratus, menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

Beliau memberi contoh pelaksanaan caj kesesakan di London dan Stockholm mengurangkan kesesakan antara 20 hingga 30 peratus.

Kawan-kawan Kedai Kopi hargai usaha kerajaan yang sentiasa mencari jalan memastikan kesesakan di ibu negara dapat dikurangkan. Caj kesesakan

dilihat sebagai satu cara membantu mengatasi masalah ini. Kesesakan di Kuala Lumpur kian mendesak kerana jumlah kenderaan bertambah dengan cepat. Purata kenderaan keluar masuk ialah 1.5 juta sehari.

Warga kota lebih suka membawa kenderaan sendiri.



Namun kawan-kawan Kedai Kopi setuju dengan Dr Zaliha, sebelum caj kesesakan dilaksanakan, jaringan pengangkutan awam mesti lengkap bersepadu untuk mendorong orang ramai meninggalkan kenderaan di rumah. Juga, jika dilaksanakan kelak, caj usah membebaskan.






AWAS!

JANGAN KLIK PAUTAN MENCURIGAKAN!

PAUTAN MENCURIGAKAN BOLEH MENYEBABKAN:

-  **PENIPUAN & KECURIAN DATA**
-  **AKAUN BANK DIGODAM**
-  **PERISIAN HASAD (MALWARE) MENGAWAL PERANTI ANDA**

APA YANG PERLU DILAKUKAN?

-  **ABAIKAN & PADAM SMS TERSEBUT**
-  **SEMAK DENGAN PIHAK RASMI SEBELUM BERTINDAK**
-  **LAPORKAN KEPADA PIHAK BERKUASA JIKA MENCURIGAKAN**
-  **LINDUNGI DIRI & DATA ANDA. JANGAN JADI MANGSA PENIPUAN!**



Elemen bandar sihat potensi tarik pelancong

PERUNTUKAN RM58 JUTA BAGI PEMBANGUNAN LABUAN

KHAIRUL IDIN

KERAJAAN Persekutuan memperuntukkan RM58 juta bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan dalam usaha meningkatkan pertumbuhan sosioekonomi dan sektor pelancongan Labuan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa** berkata ia bakal dilaksanakan tahun ini sebagai cerminan keprihatinan Kerajaan MADANI terhadap Labuan.

Menurut beliau antara projek utama yang menjadi fokus kerajaan adalah pembinaan Labuan WaterFront (Fasa 1) di bawah Rancangan Malaysia Ke-14 (RMK14).

"Projek tersebut yang membabitkan peruntukan hampir RM39 juta itu bakal menjadi satu daya tarikan baharu dan mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi di Labuan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam lawatan kerjanya ke Labuan baru-baru ini.

Zaliha berkata projek Labuan

Waterfront itu sejajar dengan visi C.H.A.S.E City iaitu *Clean City* (bandar bersih), *Healthy City* (bandar sihat), *Advanced City* (bandar maju), *Safe City* (bandar selamat) dan *Eco Friendly City* (bandar mesra alam).

Katanya elemen seperti bandar sihat berpotensi untuk menarik pelancong.

"Tapak yang dicadangkan, meliputi hampir 14,000 meter persegi di Victoria Harbour Beach akan menampilkan esplanade, tempat letak kereta berpusat dan laluan pejalan kaki untuk menyokong pembangunan bandar yang lebih teratur.


"Projek ini merupakan sebahagian daripada pelan pembangunan strategik Labuan yang telah dibincangkan dalam Mesyuarat Hala Tuju Wilayah Persekutuan awal tahun ini.

"Sekiranya direalisasikan, projek ini dijangka bukan sahaja merencanakan industri pelancongan, malah mampu menarik lebih

banyak pelaburan serta memberi manfaat kepada ekonomi tempatan," katanya.

Terdahulu dalam lawatan tersebut, Zaliha berkesempatan meninjau pembinaan infrastruktur mekanikal dan elektrik bagi sistem kawalan banjir di Kampung Gersik yang kini telah mencapai 63% siap dengan peruntukan RM7.9 juta.

Beliau turut memaklumkan kerajaan telah memperuntukkan RM11 juta untuk pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf Jambatan Patau-Patau Satu yang akan memanfaatkan lebih 1,500 penduduk Kampung Pelancongan Labuan.

Selain itu, Zaliha mengagihkan 150 tangki air bernilai RM82,000 kepada penduduk di tujuh buah kampung di seluruh Labuan bagi menambah baik kemudahan asas untuk masyarakat setempat yang masih terkesan masalah bekalan air susulan kerja-kerja membaik pulih dan penggantian paip yang sedang giat dilaksanakan. 



ZALIHA melihat pelan pembangunan Labuan Waterfront yang mampu meningkatkan sosioekonomi serta sektor pelancongan di Labuan.

Perluas program 1C1R

JABATAN Wilayah Persekutuan (JWP) merancang meluaskan lagi program inisiatif 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) ke Labuan bagi mengatasi isu pencemaran sampah di Kampung Patau-Patau Satu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa** berkata inisiatif itu antara lain bertujuan menggalakkan penduduk menjual barangan kitar semula dan mendapat wang hasil jualan itu.

Katanya pelaksanaan inisiatif itu diyakini mampu mengatasi isu sampah di kampung berkenaan dan kawasan sekitarnya.

"Saya kira Kampung Patau-Patau Satu berpotensi untuk menjadi satu produk pelancongan kerana ia merupakan salah satu kampung air di sini dan saya telah mengarahkan kepada Ketua Kampung Patau-Patau Satu untuk memikirkan mengenai produk-produk lain yang boleh menarik pelancong.

"Di Kampung Patau-Patau Satu ini saya melihat ada satu isu permasalahan mengenai pencemaran sampah sarap yang telah hanyut dibawa ke kampung ini. Untuk mengatasi masalah ini, kita akan memperkenalkan Program 1C1R bagi mengatasi isu tersebut," katanya.

Zaliha berkata bagi pelaksanaan program inisiatif tersebut, pihaknya



SEBAHAGIAN sampah yang hanyut di perairan Labuan merosakkan serta menjejaskan pemandangan perkampungan atas air dan bandar Labuan.


akan mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk turun padang ke Kampung Patau-Patau Satu membantu dalam pelaksanaan program berkenaan.

Dalam pada itu, ketika ditanya mengenai pengoperasian semula perkhidmatan feri ekspres antara Labuan dan Kota Kinabalu, beliau memaklumkan perkara tersebut telah mencapai kesepakatan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah.

"Seperti sedia maklum, baru-baru ini saya telah mengadakan pertemuan bersama Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor yang mana pada pertemuan ini beliau

telah memberikan respons yang positif mengenai *connectivity* antara Sabah dan Labuan," katanya.

Jelas beliau Kerajaan Negeri Sabah telah memulakan kerja-kerja penambahbaikan kemudahan jeti dan terminal di Kota Kinabalu dan di pihak JWP turut sedang berusaha dengan pengusaha feri untuk memastikan perkhidmatan ini dapat beroperasi dengan lancar kelak.

"Insya-Allah kita berharap sebelum penganjuran Borneo Flora Festival perkhidmatan feri ekspres antara Labuan dan Kota Kinabalu akan dapat beroperasi semula," katanya. 

32 anak-anak asnaf disantuni


SERAMAI 32 anak-anak asnaf Darul Kifayah diraikan dalam majlis berbuka puasa anjuran Tiara Labuan Hotel, baru-baru ini.

Selain daripada jamuan berbuka puasa anak asnaf tersebut turut menerima sumbangan duit raya dan biskut raya yang disampaikan oleh Pengarah Urusan Tiara Hotel Labuan, Chai Tze Kee.

Menurut Tze Kee majlis berbuka puasa yang dianjurkan setiap tahun ketika menjelang Ramadan itu bertujuan untuk berkongsi kegembiraan bersama mereka yang

kurang bernasib baik khususnya anak-anak yatim dan asnaf.

"Ia juga sebahagian daripada tanggungjawab sosial (CSR) syarikat kami kepada masyarakat yang memerlukan bantuan terutamanya kepada golongan asnaf," katanya.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Jabatan Penyiaran Labuan, Howard Martin Kim Sung @Cornelius dan Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) Labuan, Khairul Amin Abdul Rashid. 



TZE KEE (duduk tiga dari kanan) ketika jamuan berbuka puasa dan sumbangan duit raya kepada anak-anak asnaf Darul Kifayah di Labuan.

Rakyat, kerajaan jalin hubungan erat



ANWAR ditemani Mohd Na'im menyantuni mereka yang hadir ke program berbuka puasa bersama Perdana Menteri di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin.

LEBIH 10,000 orang termasuk golongan agamawan dan asnaf, berbuka puasa bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin baru-baru ini.

Majlis anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) serta rakan strategik itu turut disertai isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa dan Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Dr Sirajuddin Suhaimee.


Terdahulu, Perdana Menteri lengkap memakai busana baju Melayu berwarna biru tiba kira-kira pukul 7 malam dan meluangkan masa bersalaman dengan orang ramai yang hadir.

Beliau bersama hadirin kemudian

menyaksikan ceramah khas bertema 'Ramadan Pemacu Ummah MADANI' yang disampaikan oleh Datuk Badlishah Alauddin. Majlis turut diserikan dengan persembahan istimewa oleh kumpulan nasyid popular, Rabbani.

Pada majlis itu juga, Mohd Na'im menyampaikan sumbangan kepada 120 asnaf dari Bukit Bakong, Sepang.

Mohd Na'im memaklumkan bahawa program berbuka puasa itu bukan sekadar peluang untuk berkumpul beramai-ramai tetapi juga sebagai platform memupuk kesedaran masyarakat mengenai pentingnya nilai kemanusiaan dan kepedulian terhadap golongan memerlukan.

"Melalui inisiatif ini, kita dapat menggalakkan semangat ukhuwah, memupuk kasih sayang dan menjalinkan hubungan lebih erat antara rakyat dengan kerajaan," katanya. 

11,500 pek bubur lambuk utara untuk komuniti

KONGSI REZEKI DI BULAN MULIA

AINI MAWAWI

BUBUR lambuk merupakan juadah istimewa yang sememangnya sinonim dengan bulan Ramadan. Keunikannya menjadi pilihan ramai sekali gus merupakan salah satu menu istimewa ketika berbuka puasa.

Seakan-akan sudah menjadi tradisi di negara ini, masyarakat mengambil kesempatan untuk menyediakannya secara bergotong-royong dan diagihkan kepada komuniti setempat sekali gus berkongsi rezeki sempena bulan yang mulia ini.

Tidak terkecuali di Putrajaya, seramai 300 orang turut serta memasak bubur lambuk pada Program Bubur Lambuk Komuniti Putrajaya yang diadakan di

Kompleks Kejiranan Presint 9 baru-baru ini.

Resipi bubur lambuk dari Kedah dipilih dalam penyediaan kali ini untuk komuniti Putrajaya yang diagihkan kepada surau, anggota keselamatan dan pertahanan selain Hospital Putrajaya serta Institut Kanser Negara (IKN).

Menurut **Cef Mohamad Arshad**, 56, pemilihan elemen bubur lambuk dari utara itu menyaksikan ulam-ulaman segar seperti daun kesum dan bunga kantan menjadi aroma tarikan pembuka selera.

"Menariknya dari segi bahan-bahannya, kita lebihkan daging supaya bau dan rasanya lebih menyelerakan bagi memenuhi cita rasa orang ramai untuk dijadikan juadah ketika berbuka puasa

mahupun moreh.

"Setiap periuk kita bekalkan dua kilogram daging di mana sebanyak 23 buah periuk disediakan untuk

11,500 pek bubur lambuk komuniti Putrajaya tahun ini. Cara untuk memasak bubur turut dipelbagaikan sama ada menumis atau merebus beras terlebih dahulu," katanya menu tersebut disediakan sebaik mungkin bagi memenuhi cita rasa orang ramai.

Sementara itu, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Fadlun Mak Ujud berkata objektif utama

program tersebut adalah untuk mengeratkan hubungan antara PPj dan komuniti, agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) melalui aktiviti bersama.




MOHAMAD

"Aktiviti ini juga adalah untuk menyemarakkan tradisi memasak beramai-ramai dan mengagihkan bubur lambuk terutama dalam bulan Ramadan. Ia merupakan sebahagian daripada acara di bawah kalendar Program Bulan Ramadan Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya," jelas beliau.

Program yang berakhir kira-kira pukul 12 tengah hari itu dibimbing

oleh Ketua Cef, Roslan Ab Rahman yang merupakan pemenang Pertandingan Memasak Bubur Lambuk 2023 Kategori Hotel & Restaurant anjuran Menara Kuala Lumpur.

Antara agensi yang turut serta adalah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), PutraKop, Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Persatuan Penduduk Wilayah Putrajaya, Persatuan Warga Emas Putrajaya (PERWEP), Kelab Usahawan Putrajaya (KUPPutra) dan Kelab Media Putrajaya.

Terdahulu, turut diadakan di lokasi sama adalah Jualan Rahmah MADANI anjuran MPPWP Putrajaya yang mengadakan jualan ikan kembung dengan harga murah, jimat dan berbaloi. 



KAKITANGAN PPj turut terlibat dalam program memasak bubur lambuk yang diadakan di Kompleks Kejiranan Presint 9.



FADLUN (enam dari kiri) turut sama membantu memasak bubur lambuk bersama komuniti setempat.

Harapan Menteri, Pengarah terhadap atlet Wilayah Persekutuan

SASARAN JUARA SUKMA 2026

MEMULAKAN tugas sebagai Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) pada 5 Julai 2023, **NIK AHMAD ZAHIRUDDIN NIK SALEH** ketika itu berdepan cabaran besar apabila mempunyai 13 bulan untuk mengemudi agensi di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) itu menyertai Sukan Malaysia (SUKMA) ke-21 Sarawak 2024. Dengan pelbagai ujian yang dihadapi dalam tempoh yang singkat, Kontinjen Wilayah Persekutuan berjaya memberi saingan sengit kepada pendahulu keseluruhan, Sarawak apabila menduduki kedudukan kedua keseluruhan dengan 75 pingat emas, 65 perak dan 72 gangsa. Dibezakan hanya satu pingat emas di belakang Sarawak yang juga tuan rumah. Kini, Kontinjen Wilayah Persekutuan sedang dalam persiapan menghadapi SUKMA di Selangor yang dijangka bakal berlangsung pada Ogos 2026.

Bercakap kepada wartawan Wilayahku, **AINI MAWAWI** dan **METRA SYAHRIL MOHAMED**, beliau optimis Kontinjen Wilayah Persekutuan mampu bergelar juara.

Ketika Karnival Sukan sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2025 baru-baru ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa mahu Kontinjen Wilayah Persekutuan mempamerkan kecemerlangan untuk berada di kedudukan pertama SUKMA akan datang. Pandangan Tuan mengenai harapan ini?

Kami di MSWP menyambut baik sasaran Datuk Seri (Menteri). Mungkin itu adalah satu sasaran yang boleh dicapai pada pendapat beliau. Berdasarkan rekod sejak dua ke tiga SUKMA lepas, kami tidak pernah jatuh daripada nombor tiga. SUKMA di Sarawak kita nombor dua dan harapan Menteri termasuk harapan saya sendiri, kami nak jadi juara. Kita perlu membangunkan bakat-bakat atlet dan menambah baik program sedia ada termasuk penyediaan fasiliti bersesuaian untuk atlet berlatih. Kita memang tak ada fasiliti tetap dan kita ke arah itu, insya-Allah. Kalau semua berjalan lancar, tiada yang mustahil untuk kita menjadi juara SUKMA 2026.

Apa prasyaratnya untuk mencapai sasaran juara?

Yang pertama sudah tentu persiapan yang betul dan strategi yang tepat. Persiapan ini (melibatkan) banyak perkara, termasuk aspek latihan dan fasiliti (latihan). Selain itu, pengurusan kewangan yang betul juga memainkan peranan

signifikan sebab untuk mencapai kejayaan, sudah tentu kita perlu melabur. Kami tidak mempunyai dana yang tetap, hanya peruntukan tahunan Kementerian Kewangan dan insya-Allah kami akan bekerjasama dengan pihak yang berkenaan untuk menambah dana dan membantu atlet dari segi persiapan, mental dan juga fizikal.

Antara sukan yang bakal dikuasai atlet Wilayah Persekutuan dalam SUKMA 2026?

Kalau mengikut kepada SUKMA di Sarawak yang lepas ada 37 jenis sukan dipertandingkan. Namun setakat ini di Selangor hanya mempertandingkan 28 sukan tertakluk kepada tambahan mungkin lima lagi sukan. Kalau nak jadi juara kita tak boleh fokus kepada sukan tertentu. Kita kena mencapai pingat daripada pelbagai jenis sukan dan kalau nak kata sukan yang kita kuat, sudah tentu akuatik, gimnastik dan gimrama. Pasukan bola jaring tak pernah gagal memberi pingat emas setiap kali kita ke SUKMA.

Dari segi persiapan, memang kita sudah memulakannya sejak Oktober tahun lalu dan akan berterusan. Program Golden Sports Collaboration (GSC) yang kita hantar atlet berlatih di luar negara akan diteruskan bergantung kepada kedudukan kewangan sedia ada.

Perbezaan jenis sukan ditandingi antara SUKMA 2024 dan SUKMA 2026? Kontinjen Wilayah Persekutuan menghantar berapa ramai atlet? Berapa sasaran pingat emas?

Kalau SUKMA di Sarawak 2024, kita menghantar lebih 1,000 atlet termasuk pegawai dan dengan pengurangan kepada 28 jenis sukan di Selangor, jumlah itu saya rasa akan

berkurangan. Kita juga masih menilai prestasi atlet untuk kita bawa ke SUKMA. SUKMA bukan medan kita mencuba nasib atau medan pendedahan, tetapi untuk kita mencapai hasil.

Bagaimana dengan prestasi semasa atlet Wilayah Persekutuan?

Kita ada banyak kejohanan di peringkat kebangsaan. Kita juga memantau atlet di peringkat bakat. Maksudnya (di peringkat) MSSM (Majlis Sukan Sekolah Malaysia) pun kita tengok atlet yang mungkin ada potensi untuk mewakili Wilayah Persekutuan di masa hadapan. Berdasarkan kepada senarai atlet di SUKMA yang lepas, kita ada dalam 35 hingga 40 peratus lagi yang masih layak untuk beraksi di SUKMA tahun depan dan kita tengok, atlet-atlet ini mungkin boleh menghasilkan sesuatu. Ada dalam kalangan mereka ini yang telah mendapat pingat emas dalam kejohanan yang lepas. Jadi kita harap akan lebih banyak kejayaan pada SUKMA di Selangor nanti.

Sepanjang lima tahun ini, apa yang membanggakan melibatkan atlet Wilayah Persekutuan setakat ini?

Kalau diikutkan, lima tahun lepas kita ada tiga SUKMA, yang terakhir di Sarawak di mana Wilayah Persekutuan berada pada kedudukan Top 3. Sejak 2008, kita tidak pernah gagal berada di Top 5. Cuma sekarang perlu sasarkan untuk berada di tangga tertinggi, tidak boleh terlalu selesa, kena *all-out* dan saya mahu kita sentiasa konsisten membekalkan atlet untuk negara.

Antara atlet Wilayah Persekutuan yang bersinar di peringkat antarabangsa adalah atlet badminton, Soh Wooi Yik; atlet penerjun, Nur Dhabitah Sabri dan atlet baharu dalam sukan gimrama, Ng Joe Ee yang dinobatkan sebagai Olahragawati Kebangsaan 2022. MSWP komited menghasilkan atlet yang bukan sahaja bersinar di SUKMA tetapi di peringkat antarabangsa.

Sepanjang tahun ini, berapa ramai atlet Wilayah Persekutuan akan beraksi di sukan-sukan berprestij?

Atlet terbaik kami pada SUKMA lalu adalah perenang berbakat, Muhammad Dhuha Zulfikry, 17, yang berjaya membolot enam pingat emas ketika itu. Pada Kejohanan MSSM 2024, dia meraih 10 emas. Kita jangka dia akan menjadi permata kepada negara dan tidak mustahil akan beraksi pada Sukan Asia atau Komanwel nanti.

Untuk tahun mendatang, apa yang Tuan mahu lihat terhadap perkembangan sukan di Wilayah Persekutuan?

Saya nak melihat Wilayah Persekutuan mempunyai sebuah kompleks untuk atlet berlatih. Apabila adanya kompleks yang lengkap, atlet dapat dilatih dengan lebih baik dan tersusun. Sebab sekarang memang kami tiada pusat latihan yang sempurna. Kami terpaksa menumpang ihsan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kadangkadangkang menggunakan dewan komuniti namun adakalanya tidak boleh digunakan

kerana bertembung dengan aktiviti komuniti. Insya-Allah kita sudah berbincang dengan Arena Sukan Kuala Lumpur untuk penggunaan kompleks sukan mereka kerana saya lihat ada beberapa jenis sukan yang bersesuaian seperti akuatik selain sewa yang tidak terlalu mahal. Jika dapat berlatih di situ atlet boleh berlatih dengan tenang.

Bagaimana pula dengan kemudahan latihan atlet di Wilayah Persekutuan?

Saya ambil contoh sukan renang, sebelum SUKMA yang lepas memang atlet kita berlatih dalam keadaan pusat latihan yang agak daif. Jubin ada yang pecah sehingga mendatangkan kecederaan kepada atlet. Biarpun begitu, atlet kita tetap memberikan persembahan luar biasa melebihi sasaran yang ditetapkan. Dari segi pembangunan, persatuan menjalankan kerja yang baik MSWP akan terus memberi sokongan dari segi kewangan mengikut keupayaan dan sokongan-sokongan lain terutamanya daripada JWP, DBKL, Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL).

Penajaan adalah antara elemen penting dalam pembangunan sukan. Bagaimana Tuan melihat elemen itu khususnya sokongan daripada sektor swasta?

Kita tidak nafikan penajaan daripada pihak swasta sangat penting kepada pembangunan sukan, selain itu, kami juga mempunyai Tabung MSWP. Dalam masa sama, kita juga menjalankan kerjasama dengan institut pengajian tinggi (IPT) antaranya Universiti Multimedia Malaysia (MMU), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) di mana UNITEN merupakan pusat latihan untuk atlet bola jaring. UiTM Shah Alam misalnya berminat untuk menerima atlet kita menyambung pelajaran. Kami sentiasa mencari peluang bekerjasama dengan mana-mana pihak yang dapat memberi faedah kepada atlet dan persatuan.

Apakah harapan tuan untuk atlet dan warga MSWP?

Saya berharap atlet terus mengekalkan disiplin dan komitmen agar berjaya bukan sahaja di SUKMA tetapi di peringkat antarabangsa. Dalam masa sama, saya bangga pegawai-pegawai MSWP sangat komited dan berdedikasi. Saya harap mereka boleh terus kekal begitu. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Menteri; Ketua Pengarah JWP, Datuk Seri Noridah Abdul Rahim; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif; Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Fadlun Mak Ujud dan Presiden Perbadanan Labuan serta semua yang terlibat kerana banyak membantu kami dari segi persiapan SUKMA.



Tolak tawaran berlakon adegan 'panas' di Indonesia

ANNA JOBLING TIDAK SANGGUP

DEEL ANJER

“SAYA tak sanggup, lebih baik beri sahaja watak tersebut kepada pelakon lain yang sanggup buat.”

Demikian jelas **Anna Jobling** mengenai tawaran produksi di Indonesia yang memerlukan melakonkan adegan 'panas'.

Ia baginya amat membuat dirinya tidak selesai.

Meskipun namanya semakin dikenali di negara seberang itu, Anna atau nama penuhnya Anna Ellisa Gustin Jobling Abdul Rahman, 23, tidak sanggup memperjudikan prinsipnya dan percaya soal rezeki.

“Bila saya baca skrip (drama yang ditawarkan), saya dapati ada babak yang tidak sesuai untuk saya lakonkan. Saya pun tak selesa dengan babak tersebut. Biarpun drama tersebut bertemakan Islamik, tapi ada beberapa babak panas.

“Drama ini untuk platform *Over-The-Top* (OTT) di Indonesia, tapi saya terpaksa tolak pada saat akhir sebab ada babak yang tak sesuai, malah saya juga tak selesa untuk melakonkannya.

“Jadi, mereka pun tak ambil saya untuk teruskan. Saya tak selesa untuk buat babak panas walaupun cerita ini berunsur Islamik.

“Bagi saya, babak diminta dilakonkan lebih daripada apa yang kita boleh terima sebagai orang Malaysia. Selepas tahu, sudah tentu saya tolak sebab tak selesa,” katanya.

Walaupun tidak dapat menjayakan projek tersebut, pelakon drama *Honey Minta Maaf* menafikan rasa terkilan kerana prinsip yang dipegang sentiasa menjadi keutamaan.

Malah, Anna turut menyatakan bahawa dia tetap berpegang teguh dengan pendiriannya meskipun menerima tawaran yang lumayan.

“Mereka boleh cari pelakon lain yang mahu bawa watak ini. Bagi saya, mungkin ada rezeki lain. Kalau tak dapat buat cerita ini, ada lagi rezeki lain di Malaysia.

“Itu bukan situasi sukar pun sebenarnya, saya fikir hanya bukan rezeki. Mereka sudah 'lock' saya awal, tapi ketika itu, skrip sedang disiapkan,” katanya.

Anna turut menegaskan bahawa setiap kali dia menerima tawaran berlakon di luar negara, dia meletakkan syarat yang ketat terutama dalam aspek pemakaian dan adegan yang perlu dilakonkan.

“Kalau jalani penggambaran di sana memang saya ada tetapkan syarat seperti pakaian dan apa yang tidak boleh dilakukan.

“Mengenai pakaian saya beritahu tak boleh pakai bikini, hanya yang sopan dan tak terlalu nampak 'daring'.

“Pakaian kebiasaan saya pun tidak begitu, jadi untuk pakai masuk ke set tentulah saya tak selesa. Kalau setuju mereka akan ambil, kalau tak ambil tak mengapalah,” tambahnya. 📱



Ernie, Syamel erat ukhuwah bersama media

BIARPUN peranan media massa kian dilihat tidak penting bagi sesetengah selebriti, namun pasangan penyanyi **Syamel** dan **Ernie Zakri** masih memerlukan media demi kelangsungan kerjaya seni mereka.

Barangkali ketika menyertai dunia seni lebih sedekad lalu, platform media sosial masih tidak sepopular sekarang dan pada ketika itu segala rencana seni diuar-uarkan menerusi media.

Maka, pasangan itu sudah terbiasa dan kekal menjaga ukhuwah bersama media hingga ke hari ini.

Ini kerana jelas mereka sejak awal masuk ke bidang ini mereka sudah mengingatkan artis dan media saling memerlukan ibarat sebuah keluarga.

“Saya bermula pada 2009, ketika itu kita berada di fasa pertengahan antara media lama dan baharu. Sewaktu di syarikat rakaman lama, saya sudah diajar untuk bekerjasama dengan media.

“Mungkin kami berdua beruntung kerana ada Anuar dan Ziana Zain, begitu juga artis lama seperti Ramlah Ram dan tidak ketinggalan Datuk Seri Siti Nurhaliza turut memberikan 'input' dan mengingatkan kami jika tiada media, maka tiadalah cerita kami.

“Sebenarnya bukan sekadar berita tetapi lebih kepada hubungan yang telah kita bina selama ini sekalipun platform media sosial semakin besar,” kata Ernie yang ditemui di majlis buka puasa di Hotel St Gilles, baru-baru ini.

Tambah Ernie kepentingan media cukup dirasainya sejak kerjaya muziknya



ERNIE mahupun Syamel mengakui masih memerlukan media demi kelangsungan kerjaya seni.

berada di puncak berbanding pada awal kemunculannya dulu.

Dia yang menghasilkan album pertama pada usia 17 tahun tidak faham kepentingan promosi dan media pada ketika itu.

Walau bagaimanapun, selepas 16 tahun berada dalam industri dan melancarkan album *Aura* pada 2023, Ernie akui lebih matang dan mula tahu peranan dimainkan

media tak kurang pentingnya.

“Apabila saya lancarkan album *Aura*, perkara itu menyedarkan saya bahawa media sangat penting.

“Mereka bukan saja-saja sokong. Tapi maklum balas daripada mereka itu sebenarnya yang banyak beri saya pembelajaran untuk projek akan datang,” katanya.

Sementara itu, menurut penyanyi lagu *Hidup Dalam Mati*, Syamel pula ia bergantung kepada persepsi individu itu sendiri.

Sekiranya mereka melihat sesuatu perkara termasuk jalinan hubungan dengan media dari sudut yang positif, maka perkara positif akan datang kepada mereka, begitu juga sebaliknya.

“Mungkin corak pemikiran yang perlu berubah, kalau kita anggap artis dan media sebagai satu keluarga maka kita boleh bekerja secara rapat.

“Jika dianggap negatif, hasil yang tidak baiklah akan datang kepada kita. Kalau masing-masing melihat dari sudut positif maka akan adalah satu perkembangan sihat,” katanya.

Selama berada dalam industri, akui pasangan suami isteri itu lagi, mereka tidak pernah berdepan isu terasa hati atau marah dengan artikel dikeluarkan.

Bagi mereka, perkara itu boleh dibawa berbincang tanpa perlu menggunakan media sosial sebagai medium untuk meluahkan perasaan.

Inisiatif untuk sentiasa belajar, mendengar pandangan orang industri dan menjaga adab sudah menjadi amalan.

“Semakin rajin kita pergi tempat yang betul, kita akan dapat jawapan dan olah ikut kelesaan sendiri. Kalau hal itu nampak salah, itu salah kita sendiri kerana kita yang tiada usaha untuk belajar.

“Kalau hal yang diperkatakan betul, layankan saja. Jangan bongkak,” kata Syamel. 📱